

**Wanita Dalam Pembangunan: Kajian Tentang
Projek Wanita Pekebun Kecil (RISDA)**

Oleh
NOR FADILAH BT. SULAIMAN
No. Matrik 30367

**Latihan Untuk Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-syarat Untuk Ijazah Sarjana Muda**

MAJLIS 1984

117, JALAN REJA AIRPANG
TAMAN REJA AIRPANG
KUALA LUMPUR

**Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur**

Sessi 1983/84

DAFTAR KANDUNGAN		Muka Surat
BAB I - PENDAHULUAN		
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Tujuan Kajian	2
1.3	Metode Kajian	6
1.4 a.	Kebaikan Metode	9
1.4 b.	Keburukan Metode	12
1.5	Masalah	15
BAB II - TEORI DAN KONSEP		
2.1	Pendahuluan	19
2.2	Definasi Pembangunan	19
2.3	Pembangunan di Malaysia	26
2.4	Definasi Peranan Wanita	33
BAB III - RISDA		
3.1	Pendahuluan	39
3.2	Sejarah Penubuhan RISDA	40
3.2.1.	Tujuan RISDA	41
3.3	Tugas-tugas RISDA	42

Muka Surat

3.4	Struktur Organisasi RISDA	43
3.5	Bahagian Pembangunan Sosio-ekonomi	48

BAB IV -- PERKUMPULAN WANITA PEKEBUN KECIL (PWPK)

4.1	Pendahuluan	52
4.2	PWPK Secara Am	52
4.3	Tujuan-tujuan PWPK	54
4.4	Pentadbiran PWPK	56
4.5	Seksi Niaga	58
4.6	Seksi Pendidikan	64
4.7	Seksi Rekreasi dan Sosial	66
4.8	Keberkesanan	67
4.8 a.	Keberkesanan PWPK dari Segi Ekonomi	67
4.8 b.	Keberkesanan PWPK Dari Segi Individu	70
4.9	Masalah PWPK	72

BAB V -- KARYADESA

5.1	Pendahuluan	79
5.2	Sejarah Karyadesa	79
5.3	Karyadesa	81
5.4	Tujuan Karyadesa	81
5.5	Pentadbiran Karyadesa	82
5.6 a.	Perjalanan Bengkel	84
5.6 b.	Bahan Mentah	85
5.7	Aktiviti Karyadesa	87

BAB VI - PRESTASI KARYADESA

6.1 a. Prestasi Karyadesa Secara Keseluruhan	96
6.1 b. Prestasi Karyadesa Kampung Parit Serom Semerah Johor	96
6.1 c. Prestasi Karyadesa Kampung Kota Mengkuang, Kedah	96
6.1 d. Prestasi Karyadesa di Kuala Sungai Baru	97
6.1 e. Prestasi Karyadesa di Institut Latihan RISDA Air Pak Abas	100
6.2 Masalah Karyadesa	100

BAB VII - KESIMPULAN

7.1 Kesimpulan	106
----------------	-----

BAHAN RUJUKAN

LAMPIRAN-LAMPIRAN

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu pengkaji ingin mengucapkan setinggi-setinggi penghargaan dan terima kasih kepada orang-orang yang berkenaan yang telah banyak memberi pertolongan serta nasihat yang amat berguna dalam menyiapkan Latihan Ilmiah ini iaitu:

1. Puan Mazidah binti Haji Zakaria iaitu Penyelia Latihan Ilmiah ini dan Pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, yang telah banyak memberi tunjukajar dan kritikan yang bernalas kepada pengkaji.
2. Puan Rashidah binti A. Manaf iaitu Pegawai RISDA yang bertugas di Bahagian Pembangunan Sosio-ekonomi yang banyak menolong pengkaji dalam mendapatkan maklumat-maklumat penting tentang Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil RISDA.
3. Puan Rodiah dan Puan Nor Aishah binti Abu Bakar yang memberi kerjasama serta Encik Indra yang sentiasa memberi pertolongan di mana ketiga mereka ini adalah Pegawai RISDA di Bahagian Teknikal.
4. Tidak lupa kepada lain-lain yang terlibat iaitu Abdul Latiff Abu Bakar, Kak Hajjah dan lain-lain.

SIMOPSIS

Secara kesimpulannya, Latihan Ilmiah ini adalah bertujuan untuk meninjau berjaya atau tidaknya usaha-usaha RISDA dalam membangunkan kaum wanitanya untuk menambahkan pendapatan keluarga mereka.

Dalam bab pertama, diberikan pendahuluan tentang tujuan Latihan Ilmiah ini dibuat serta bidang kajian dan masalah yang dihadapi semasa membuat Latihan Ilmiah ini. Masalah yang ketara sekali ialah tentang kesukaran untuk mendapatkan maklumat yang lengkap dan mencukupi mengenai projek-projek RISDA kerana kurangnya pengawasan terhadap projek ini.

Dalam bab kedua, diterangkan erti pembangunan serta peranan wanita lantas dikaitkan peranan wanita khasnya wanita pekebun kecil dalam pembangunan.

Bab ketiga pula diperkenalkan RISDA sebagai sebuah badan kerajaan yang berfungsi selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Ini dilengkapi dengan huraian mengenai tugas-tugas RISDA, struktur pentadbiran-nya serta bahagian-bahagian yang membentuk RISDA, termasuk PWPK dan Karyadesa dalam bahagian Pembangunan Sosio-ekonomi.

Bab keempat pula PWPK diteliti dengan terperinci akan tujuan-tujuannya, organisasi pentadbirannya, kegiatan-kegiatan yang dilakukan, keberkesanannya dan masalah yang dihadapi oleh PWPK. Oleh kerana prestasinya

adalah rendah maka didapati PWPK gagal melaksanakan tugasnya iaitu sebagai projek ekonomi untuk menambah pendapatan, tetapi diandaikan agak berjaya dari segi pembangunan individu yang telah menghadiri kelas-kelas demonstrasi serta lain-lain bentuk kemahiran.

Bab kelima, Karyadesa juga diteliti dengan itu diuraikan tujuan-tujuannya, organisasinya serta perjalanan Karyadesa.

Bab keenam ialah tentang prestasi Karyadesa dan masalahnya. Bab ini dipisahkan daripada bab lain kerana untuk melihat keberkesanannya terhadap wanita pekebun kecil.

Oleh itu, kesimpulannya tentang Latihan Ilmiah ini ialah untuk melihat peranan wanita dalam pembangunan.

Dengan latihan ini dapat membantu untuk menjalani suatu projek wanita bagi wanita penanaman gula. Kajian ini merupakan suatu kajian yang mengutamakan wanita juga kajian dibentuk untuk melihat peranan wanita dalam suatu usaha meningkatkan peningkatan penanaman gula, teknologi dan teknik.

Peningkatan penanaman gula adalah peningkatan yang aktif, menggunakan teknologi yang paling baik serta untuk keturangan. Maka peranan dalam kegiatan ini wanita merupakan tokong belakang dalam pertemuan dengan teknologi.

Itulah kerana adanya kesadaran ini, maka KLLB telah mengadakan berbagai rencangan untuk memperbaiki peningkatan penanaman gula ini dan juga mengadakan projek wanita bagi wanita untuk lagi tahapkan

BAB I

1.1 Pendahuluan

Penulisan tentang sumbangan wanita dari segi ekonomi mahupun bukan ekonomi telah banyak dibuat oleh penulis-penulis yang lain, malahan terdapat juga latihan-latihan ilmiah yang menumpukan kajian mengenai perkara ini. Tidak ketinggalan juga di ruangan akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang begitu ketara sekali menonjolkan kegiatan ekonomi wanita.

Namun begitu, hanya segelintir saja yang menyentuh tentang kegiatan RISDA iaitu KARYADESA. Karyadesa merupakan sebuah lagi projek yang dijalankan oleh pihak RISDA dalam usaha menambahkan pendapatan keluarga pekebun kecil.

Dengan ini latihan ilmiah dibuat untuk meninjau akan projek RISDA bagi wanita pekebun kecil getah. Kajian ini merupakan satu kajian yang mengutip data sekunder juga kajian dokumen untuk melihat peranan RISDA secara am dalam usaha meninggikan pendapatan pekebun kecil, khasnya kaum wanita.

Pekebun-pekebun kecil adalah gulungan yang miskin, mempunyai pelajaran yang rendah serta serba kekurangan. Walaupun mereka dalam keadaan kekurangan ini mereka merupakan tulang belakang dalam pembangunan negara kita.

Oleh kerana adanya kesedaran ini, maka RISDA telah mengadakan berbagai rancangan untuk menambahkan pendapatan pekebun kecil amnya dan juga mengadakan projek wanita bagi menambahkan lagi tabungan

mereka sebagai keluarga pekebun kecil getah.

1.2 Tujuan Kajian

Tujuan kajian yang utama ialah untuk melihat kegiatan serta sumbangan ekonomi wanita di peringkat rumah tangga ataupun di luar rumah tangga bagi menambahkan pendapatan keluarga pekebun kecil di sampingnya melihat sumbangan wanita pekebun kecil ini pada pembangunan negara.

Tumpuan kajian adalah kepada semua gulungan wanita pekebun kecil yang sudah berumahtangga ataupun yang masih bujang kerana seperti yang kita sedia maklum tugas wanita adalah berat tetapi mereka masih dapat menyumbang tenaga tanpa mengenal penat lelah untuk memperbaiki kehidupan mereka.

Di samping menekankan tentang wanita, pengkaji terlebih dahulu mengkaji RISDA sebagai sebuah badan kerajaan yang cuba memperbaiki keadaan hidup pekebun kecil dengan mengadakan berbagai-bagai rancangan yang dinamik. Salah satu daripadanya ialah rancangan yang dijalankan buat kaum wanita pekebun kecil iaitu Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) dalam usaha meninggikan taraf hidup mereka dan juga menambahkan pendapatan keluarga.

Di dalam projek bagi kaum wanita tadi, kajian ini bertujuan untuk melihat perancangannya dan perlaksanaan serta menilai keberkesanan projek ini dalam mencapai tujuan dan hasratnya. Keberkesanan ini dilihat bukan saja dari projek-projek wanita malahan meninjau keberkesanan

RISDA sebagai sebuah badan kerajaan yang telah diamanahkan untuk meninggikan taraf hidup pekebun kecil getah.

Akhir sekali, kajian ini lebih ditumpukan kepada data sekunder tentang objektif, polisi dan perancangan RISDA bagi pekebun kecil getah adalah bertujuan untuk membandingkan samada segala polisi yang dibentuk itu selaras seperti yang dijalankan pada keadaan realitinya khas bagi projek¹ karyadesa.

1.3 Bidang Kajian

Oleh sebab tujuan kajian adalah untuk melihat keberkesanan projek khasnya bagi projek wanita pekebun kecil dalam pembangunan negara maka bidang kajian adalah di khususkan kepada projek-projek yang bersifat "income generating" atau projek yang mendatangkan pendapatan pada kaum wanita pekebun kecil getah.

Projek "income generating" ini diadakan oleh RISDA dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil supaya berada di atas garis kemiskinan, melalui kegiatan bagi wanita.

Projek-projek yang dijalankan oleh RISDA khasnya buat kaum wanita pekebun kecil ialah KARYADESA dan Perkumpulan Wanita Pekebun

¹ Satu kajian dokumen = Rujukan latihan ilmiah 1983/84 ~ Faridah Hanum

Kecil. Karyadesa merupakan projek yang terbaharu RISDA bagi wanita manakala PWPK pula sebuah projek yang boleh dikatakan sudah agak stabil kerana diadakan lebih awal lagi.

Kajian ini bukanlah dibuat pada peringkat komuniti tetapi membuat kajian dokumen dan ianya adalah di peringkat nasional.

Oleh kerana banyak ditekankan tentang wanita maka dalam bahagian teori dan konsep pengkaji menekankan tentang peranan wanita. Erti pembangunan juga dihuraikan secara umum dan kemudian mengaitkan peranan wanita luarbandar dari segi ekonomi dan bukan ekonomi dalam pembangunan negara.

Istilah luarbandar juga dititikberat kerana pengkaji lebih berminat untuk melihat sumbangan wanita luarbandar khasnya wanita pekebun kecil. Penekanan pada pengertian luarbandar ini adalah kerana selama ini perhatian amat kurang ditumpukan kepada peranan wanita luarbandar tetapi pada hakikatnya mereka merupakan tiang pada pembangunan ugama kita.

Di dalam bab seterusnya akan diteliti dan dilihat RISDA sebagai sebuah badan kerajaan yang telah banyak berusaha untuk meninggikan kehidupan pekebun kecil getah. Dimulakan dengan pembubuhan RISDA disebabkan keadaan kemelaratatan pekebun kecil dalam putaran ganas orang-orang tengah. Dalam usaha membasmikan orang tengah dan mengurangkan kesengsaraan pekebun kecil ini, maka RISDA telah mengadakan strateginya dan pengkaji akan menghurai juga tugas-

tugas RISDA serta struktur organisasi dan pentadbiran RISDA.

Telah didapati bahawa RISDA mengadakan dua projek wanita iaitu PWPK dan karyadesa. Tiap-tiap projek ini diasingkan ke dalam bab-bab yang berasingan supaya dapat melihat gambaran yang jelas tentang kelincinan perjalanan projek-projek tersebut.

Dalam PWPK pengkaji mengkaji tujuan, tugas-tugas, strategi dan organisasi pentadbirannya. Perkara yang lebih penting dalam bab ini ialah untuk melihat sejauhmanakah keberkesanan PWPK pada gulungan yang ditujukan melalui kegiatan-kegiatan yang disediakan mengikut jadual-jadual yang ditetapkan.

Begitu juga bagi projek karyadesa, sebuah projek yang terbaharu dilaksanakan oleh RISDA bagi memperbanyakkan projek bagi kaum wanita pekebun kecil. Di sini dilihat akan organisasinya, tujuannya, tugasnya, aktivitinya serta masalah yang dihadapi oleh projek ini. Perkara yang lebih penting ialah untuk melihat sejauhmanakah kesan projek karyadesa ini,

Bab seterusnya ditumpukan untuk meninjau masalah-masalah yang dihadapi oleh projek-projek tersebut, lantas dengan ini dapat dilihat juga sebab-sebab kejayaan dan kegagalan projek-projek ini, untuk tujuan menambahkan pendapatan keluarga pekebun kecil melalui kegiatan ekonomi dan bukan ekonomi yang dijalankan oleh kaum wanita pekebun kecil.

Pengkaji telah membandingkan keduadua projek yang telah dijalankan oleh RISDA bagi wanita pekebun kecil getah. Perbandingan ini telah dibuat dari segi kejayaan tiap-tiap satu projek dari segi kegiatannya, masalahnya dan keberkesanannya tiap-tiap projek tadi. Keberkesanannya ini dilihat melalui kegiatan sehari-hari mahupun kegiatan mingguan mereka, jumlah wang tabungan yang ada hasil daripada keuntungan projek, jumlah bilangan ahli dan lain-lain cara untuk mengesahkan keberkesanannya bagi tiap-tiap projek tadi.

Sebelum bab ini diakhiri pengkaji telah menyatakan projek yang manakah lebih membawa keuntungan kepada wanita pekebun kecil sebagai sebuah projek bersifat "income generating" yang bukan saja menguntungkan dari segi ekonomi malah lebih dari itu. Dengan cara menghadiri projek ini kaum wanita dapat juga menimba ilmu untuk mengetahui cara-cara yang lebih baik dalam kesihatan pemakanan, sosialisasi dan juga membuka diri mereka kepada perkara-perkara yang baru agar tidak ketinggalan dalam apa-apa segipun.

Akhir sekali dibuat kesimpulan samada RISDA telah berjaya atau sebaliknya dalam usaha meninggikan taraf hidup pekebun kecil amnya dan menambahkan pendapatan keluarga mereka dengan melibatkan kaum wanita khususnya. Untuk melengkapkan latihan ilmiah maka saranan telah diberikan untuk memperbaiki lagi projek yang telah sedia ada berjalan.

1.4 Metode Kajian

Metode kajian yang penting adalah mengutip data-data

sekunder. Data-data sekunder ini pengkaji dapati daripada kajian dokumen dalam buku Laporan Tahunan RISDA, fail-fail yang berkaitan dengan bidang kajian, lampiran kertas kerja oleh pihak RISDA, keratan surat khabar, majalah juga lain-lain bahan yang difikirkan sesuai.

Kajian dokumen adalah menganalisa dokumen yang bertulis untuk mendapatkan matlamat yang kita perlukan. Kajian dokumen ini boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu dokumen asas dan dokumen sekunder. Dokumen asas adalah dokumen yang ditulis oleh orang yang menyaksikan peristiwa atau perlakuan yang telah berlaku, manakala dokumen sekunder adalah dokumen yang ditulis oleh orang yang tidak menyaksikan peristiwa itu tetapi mendapati matlamat daripada orang lain melalui temubual orang-orang yang menyaksikan satu-satu peristiwa itu (BAILEY, 19 : 276)

Dokumen asaslah kebanyakkan ditulis untuk tujuan peribadi termasuk diari, surat-surat, penulisan riwayat hidup serta surat pengakuan. Dokumen sekunder pula adalah dokumen yang ditulis untuk tujuan perniagaan atau persatuan untuk mencatatkan perjalananannya.

Kebanyakkan bahan-bahan yang didapati adalah data-data sekunder. Ini adalah untuk melihat perjalanan projek yang dijalankan oleh pihak RISDA di peringkat nasional. Pertama sekali terpaksalah dibuat satu rangka kajian mengenai apa yang ingin dikaji sebagai rangka panduan supaya tidak terkeluar daripada tajuk. Setelah mendapat dokumen itu maka penelitian yang rapi akan dibuat. Di dalam

mendapatkan data-data, pengkaji banyak menggunakan buku Laporan Tahunan RISDA kerana banyak data-data yang penting boleh didapati di dalamnya.

Bahan-bahan yang penting akan dicatitkan satu persatu tetapi terpaksa membaca makalah serta dokumen itu terlebih dahulu untuk mengelakkan perkara-perkara yang tidak sesuai. Hal ini dilakukan untuk mengurangkan pembaziran dari segi masa dan tenaga.

Selain daripada meneliti buku Laporan Tahunan fail-fail juga diperiksa dan melihat juga surat-surat yang ada terkandung dalam fail tersebut. Fail yang diteliti adalah fail mengenai projek kaum wanita pekebun kecil yang dijalankan oleh pihak RISDA. Dengan meneliti fail-fail ini dapat dilihat kelancaran perjalanan projek ini, tetapi cara ini memakan masa yang panjang dan menjemukan kerana terlalu banyak urusan yang remeh dicatit dan surat-surat berbentuk peribadi terkandung di dalam fail tersebut.

Makalah-makalah serta artikel-artikel mengenai bidang kajian yang ditulis oleh akhbar, majalah, latihan ilmiah juga dianalisa lagi menambah isi-isi yang penting dalam kajian.

Buku-buku Rancangan Malaysia juga terpaksa dibuka iaitu Rancangan Malaysia Kedua, Ketiga dan Keempat. Tujuan ini adalah untuk melihat matlamat RISDA dalam usahanya memperbaiki kehidupan pekebun kecil dan juga untuk mendapatkan data-data yang paling akhir mengenai kesan-kesan perlaksanaan RISDA dalam segala perancangan

yang dibuat.

Satu lagi perkara yang tidak ketinggalan ialah temubual dengan pegawai-pegawai RISDA di Ibu Pejabat yang bertanggungjawab di atas projek-projek tersebut. Pegawai-pegawai ini bukanlah dianggap responden tetapi "informant" untuk mengetahui dengan lebih lanjut lagi tentang projek yang mereka awasi. Dalam temubual dengan pegawai-pegawai ini, kadangkala pengkaji terpaksa mencatit maklumat yang sukar diingati tetapi ada juga maklumat yang tidak perlu dicatit kerana mahukan perbualan yang lancar seperti untuk mengetahui cara-cara membuat kerepek, seperti yang dibuat oleh peserta projek itu.

Setelah dikutip data-data maka perlu dikumpulkan lantas di kategorikan mengikut bahagian-bahagian tertentu dan menganalisa data yang ada dengan teliti. Mengkategorikan ini tidaklah begitu sukar kerana dalam masa mencatit bahan-bahan, telah dibuat tajuk bagi tiap-tiap data yang dikutip. Setelah habis dianalisa, maka tiba pada penyusunan tajuk-tajuk mengikut rangka panduan yang disiapkan terlebih dahulu dan akhir sekali ditulis isinya.

Perlu diterangkan juga bahawa metode kajian dokumen ini dalam kajian sains sosial mempunyai kebaikan dan keburukannya. Berikut akan diuraikan kebaikan dan keburukan kajian dokumen.

1.4a Kebaikan Kajian Dokumen

Dalam mencari data melalui Kajian dokumen ini, terdapat kebaikan daripadanya, antaranya ialah:

Pertama, cara ini boleh mengkaji peristiwa-peristiwa yang telah lepas dengan cara mengkaji penulisan-penulisan yang dibuat oleh penulis terdahulu. Adalah mustahil bagi kita untuk mendapatkan responden di zaman lalu untuk kita menemubualnya. Seperti contoh jika kita ingin mengkaji sistem perkahwinan dan melihat sistem kekeluargaan di zaman revolusi industri, maka adalah sukar untuk mendapatkan responden yang tinggal di zaman itu yang masih hidup lagi. Cara ini juga adalah baik kerana ia menggalakkan pengkaji yang tidak sihat dari segi fizikal untuk membuat penyelidikan di luar sebagai satu kajian kes.

Kedua, cara ini membebaskan pengkaji dalam bersikap bias kerana ia tidak dipengaruhi oleh faktur-faktur yang boleh menyebabkan ia bersikap bias seperti penglibatan emosinya dalam kajian. Mengutip data melalui cara ini juga tidak akan mengubah apa yang terkandung di dalam buku itu, lalu pengkaji akan mengambil data seperti yang sedia ada. Data-data ini tidak akan berubah walaupun seseorang itu telah mati, jika kita ingin mengkaji tentang riwayat hidup seseorang tokoh itu.

Ketiga, cara ini amat baik untuk membuat kajian yang memakan masa yang sangat panjang. Satu contoh yang baik ialah apabila kita ingin membuat kajian tentang perubahan sikap orang Melayu terhadap orang-orang Cina dan India yang datang ke Malaysia antara tahun 1900 - 1960. Jika kita menggunakan cara "survey", maka data yang diperolehi adalah kurang tepat kerana orang-orang tinggal dalam jangkamasa tersebut tidak dapat menginga-

dengan baik. Kajian dokumen ini adalah cara yang paling lama dipakai kerana data-data yang ada boleh melebihi lima puluh tahun manakala cara yang lain tidak dapat bertahan begitu lama.

Keempat, cara ini adalah lebih tepat kerana kita boleh mendapatkan data-data yang konkret dengan melihat perangkaan yang ada di dalam dokumen-dokumen, manakala cara kajian kes ianya mempunyai banyak kesilapan kerana seperti yang kita tahu dalam kajian kes cara pengambilan sample boleh menyebabkan kesilapan, dan semakin besar sample maka semakin banyaklah kesilapan dibuat. Kajian dokumen boleh mengambil data-data yang banyak dalam berbagai-bagai bahan rujukan bagi menguatkan kenyataan kita tanpa membuat kesilapan yang banyak.

Kelima, cara ini lebih baik kerana boleh mencatatkan segala peristiwa atau perasaan seseorang mengenai sesuatu pada bila-bila masa yang ia fikir sesuai tetapi dengan cara temubual responden dengan pengkaji, kemungkinan responden tidak berminat untuk menjawab pada masa itu juga, malahan jawapan responden akan menjadi tidak benar kerana adanya perasaan malu dan ini menjadikan kajian lebih subjektif.

Keenam, cara ini dapat memberi lebih pengertian kepada kita kerana dokumen seperti diari, seseorang itu boleh membuat pengakuan yang benar mengenai dirinya. Manakala cara "interview" kemungkinan responden tidak berterus terang kerana takut ataupun responden merasa kekok untuk memberi jawapan yang benar kerana ia tahu bahawa ia sedang diperhatikan oleh pengkaji akan tingkahlakunya. Seperti contoh dalam kes bunuh diri

seseorang itu mungkin akan mencatatkan di dalam diarinya sebab ia membunuh diri tetapi tidak mungkin ia menceritakan kepada orang lain.

Ketujuh, cara ini menjimatkan wang, masa dan tenaga. Dari segi kewangan adalah rendah kerana pengkaji tidak banyak bergerak memandangkan ia tidak mempunyai responden dan juga ia boleh mengumpulkan data pada satu lokasi yang berpusat seperti di perpustakaan. Cara ini bukan saja menjimatkan wang malahan menjimatkan masa kerana tidak perlu menyiapkan soalselidik untuk responden dan tidak perlu ramai pembantu dalam usaha mengumpulkan data.

Terakhir ialah cara ini mempunyai kualiti yang tinggi kerana kebanyakkan data yang dikutip adalah berdasarkan pada penulisan orang yang mahir seperti pemberita-pemberita, pengkaji-pengkaji yang lepas yang membuat kajian dan daripada pihak-pihak atau pegawai-pegawai tertentu yang bertugas terhadap satu-satu projek. Tetapi bagi cara "survey" data yang dikutip kemungkinan tidak lengkap dan baik kerana pengkaji sendiri terpaksa menyediakan soalselidiknya yang tidak begitu baik kerana pengkaji sendiri masih baru dan tidak berpengalaman dalam mengemukakan persoalan-persoalan yang berkualiti.

1.4b Keburukan Kajian Dokumen

Walaupun kita sudah ketahui bahawa Kajian dokumen mempunyai banyak kebaikan namun begitu ia juga mempunyai keburukannya dan di antaranya ialah:

Pertama, cara ini juga tidak terlepas daripada bias kerana kebanyakan penulisan dokumen yang digunakan dalam penyelidikan sosial bukanlah untuk tujuan penyelidikan. Selalunya tujuan penulisan ini ialah untuk menulis riwayat hidup penulis, jadi apa yang dipentingkan di sini ialah untuk membuat cerita yang baik mengenainya tanpa ada cacat cela. Tulisan-tulisannya juga bertujuan untuk mendapatkan wang. Oleh itu ada kemungkinan si penulis cuba menulis berdasarkan rekaan atau khayalan sendiri. Maka apabila seorang pengkaji yang lain membuat kajian mengenai penulis itu, ia akan mengambil data dan cerita yang ditulis oleh penulis tadi yang mana cerita-cerita telah menyimpang daripada kenyataan.

Kedua, dengan cara ini kebanyakan penulisannya serta dokumen-dokumen ditulis ke dalam kertas-kertas yang sangat sukar untuk menyimpan dokumen supaya tidak hilang atau musnah. Walaupun kita boleh menyimpan dokumen ini di dalam peti simpanan yang khas tetapi terdapat juga penulisan yang telah hilang atau musnah dimakan serangga atau tulisan itu menjadi kabur. Ini semua boleh mengakibatkan kehilangan data-data yang penting dan menyebabkan kekurangan data jika kajian dibuat dengan melihat dokumen ini.

Ketiga, cara dokumen ini ditulis dengan menerima maklumat daripada orang lain dan bukannya pengkaji sendiri yang melihat sesuatu peristiwa itu. Ini menyebabkan penulisannya tidak begitu lengkap dan kadangkala melebihi daripada kenyataan kerana ia hanya mendapat maklumat dari orang lain yang boleh mengubah cerita mengenai sesuatu peristiwa mengikut kehendaknya. Dalam dokumen seperti surat-surat kebanyakannya

bersifat sulit maka amatlah sukar bagi seorang pengkaji lain untuk memahami isi kandungan surat itu, kerana kebanyakan surat sulit lebih bersifat pengakuan tetapi bukan penghuraian. Penulisan yang personel akan menjadi lebih sukar untuk difahami jika ia melibatkan orang lain yang pengkaji sendiri tidak tahu lebih lanjut mengenai orang itu.

Keempat, penulis yang terdahulu mungkin tidak mencatatkan fakta-fakta dengan sepenuhnya menyebabkan setengah skop tidak diliputinya. Keadaan ini boleh menyebabkan kenyataan tergantung dalam dokumen itu lantas menjadi kajian kurang objektif jika pengkaji lain menggunakan dokumen tadi.

Kelima, cara kajian dokumen ini tidak menjalankan "survey" maka dengan itu pengkaji tidak dapat melihat perlakuan-perlakuan yang sebenarnya. Ini menyebabkan pengkaji tidak mendapatkan gambaran yang sebenarnya khusus bagi setengah peristiwa yang perlu dilihat supaya dapat menghuraikan peristiwa itu dengan lebih realistik lagi.

Keenam, cara kajian dokumen ini kurang mempunyai format yang standard. Ini jelas jika data-data yang didapati daripada surat-surat atau diari kerana surat-surat ini telah bersifat personel. Namun demikian data daripada akhbar mempunyai format yang standard dan senang dianalisa. Hal ini menyebabkan kesukaran untuk membuat perbandingan kerana pada satu bahagian datanya sangat mencukupi manakala di satu bahagian yang lain ianya amat kurang sekali.

Ketujuh, cara kajian dokumen ini sukar untuk dibuat "coding". Ini adalah kerana kebanyakan data berbentuk tulisan dan sukar untuk membuat penganalisaan. Tetapi keadaan ini menjadi senang jika data-data yang ada dalam bentuk angka dan perangkaan kerana bersifat kuantitatif yang senang dianalisa.

Akhir sekali data-data daripada kajian dokumen ini kebanyakannya tidak dikemaskini kerana ditulis pada masa dan keadaan penulis itu sendiri. Maka jika data-data itu juga diambil, ini boleh menyebabkan kesalahan dan kajian menjadi tidak objektif serta tidak sah kerana data-data tidak bersesuaian dengan zaman pengkaji yang ingin membuat kajian. Kesalahan ini lebih ketara jika data-data dalam bentuk angka kerana banyak perubahan telah berlaku lalu menjadikan data tidak sesuai.

1.5 Masalah Pengkajian

Kajian ini banyak menggunakan kajian dokumen dan banyak masalah yang timbul dalam masa kajian. Di antaranya ialah kebanyakannya data-data yang didapati tidak dikemaskini oleh pegawai yang bertugas. Pegawai ini tidak mengambil inisiatif untuk menyediakan kertas kerja bagi projek yang dijalankan maka ini menimbulkan kekaburuan apabila data-data diambil, terutama sekali yang berkaitan dengan angka-angka.

Dalam masa penelitian fail-fail mengenai projek bagi kaum wanita pekebun kecil, didapati bahawa banyak urusan surat menyurat tidak difailkan dengan baik dan juga kebanyakan surat yang terkandung

dalam fail itu tidak dapat digunakan sebagai bahan dalam kajian. Surat-surat yang tidak penting ini melambatkan pengkaji dalam mencari data-data yang penting kerana terpaksa juga meneliti surat itu kalau-kalau ada isue yang penting, tetapi dalam meneliti surat-surat ini, pengkaji sukar untuk memahami isi kandung kerana bersifat personal.

Pengkaji mendapat sangat sukar untuk mendapatkan gambaran yang jelas mengenai projek wanita dari segi kegiatan mereka, perkumpulan mereka dan lain-lain kerana tidak melihat dalam keadaan yang sebenar perjalanan projek itu. Cuma melalui fail-fail dan dokumen yang ada pengkaji membuat kajian dan masalah ini di atasi dengan membaca artikel, serta latihan ilmiah yang ada mengenai perlaksanaan projek ini².

Keempat, pengkaji sukar untuk mendapatkan bahan-bahan yang mencukupi kerana apabila menemubual pegawai-pegawai yang bertanggungjawab terhadap projek itu, mereka sendiri sukar untuk memberi penjelasan kerana ia merupakan seorang pegawai yang baru ditugaskan dalam projek ini khasnya projek KARYADESA.

Keberkesanan sukar untuk dinilai bagi projek wanita kerana pegawai yang bertugas tidak menyimpan rekod yang mencukupi mengenai akaunnya, budgetnya, perbelanjaannya dan peruntukan yang dibuat. Pegawai ini juga tidak menulis atau menyimpan satu laporan yang benar-

² Contoh antara latihan ilmiah ialah Saadiah bt. Abdullah 1981/82, Desnawati bt. Soelaiman 1980/81.

benar lengkap mengenai segala kegiatan yang dijalankan oleh projek tersebut untuk menyenangkan sesiapa saja yang ingin mengetahui lebih lanjut dan jelas tentang projek-projek wanita khasnya karyadesa yang baru saja diperkenalkan.

Satu lagi masalah ialah untuk mendapatkan jawapan yang benar daripada pegawai-pegawai bertugas terutama dari segi pencapaian sesuatu projek itu. Pegawai itu kadangkala tidak mahu mengatakan bahawa satu-satu projek mengalami kemerosotan bahkan masih mengatakan ianya berjaya walaupun pada hakikatnya tidak. Pegawai itu sendiri tidak mengetahui akan kejayaan projek itu kerana tidak ada rekod-rekod yang dikemaskini untuk dirujuk.

Masa yang lama diambil untuk menemubual pegawai-pegawai bertugas kerana terdapat banyak gangguan talipon dan kakitangan yang lain. Gangguan ini menyebabkan perbualan menjadi tidak lancar dan pengkaji hilang ide untuk mengemukakan soalan yang selanjutnya.

Pegawai-pegawai yang bertugas sukar untuk diterima kerana kadangkala mereka bertugas di luar untuk melihat projeknya juga menghadiri mesyuarat.

Akhir sekali pengkaji menghadapi masalah tidak cukup data kerana terdapat bahagian yang tidak disentuh oleh pegawai yang bertugas mengenai projek di bawah kelolaannya. Ini menyulitkan semasa penulisan dan ini di atasi dengan membuat penyelidikan perpustakaan juga membaca makalah-makalah serta latihan ilmiah yang

ada mengenai projek berkenaan.

Kesimpulannya, walaupun masalah banyak dihadapi semasa kajian dibuat tetapi dapat diatasi untuk melengkapkan data-data yang perlu.

BAB II

TEORI DAN KONSEP

2.1 Pendahuluan

Untuk lebih memahami letihan ilmiah ini adalah elok jika diuraikan terlebih dahulu konsep-konsep yang digunakan iaitu pembangunan dan peranan wanita dan mengaitkan peranan wanita dalam pembangunan.

2.2 Definisi Pembangunan

Pembangunan dewasa ini merupakan perkara yang diambil berat oleh mana-mana negara. Definasi pembangunan amat luas dan terdapat berbagai definisi yang diberikan mengenainya.

Secara amnya pembangunan dimaksudkan mengadakan usaha untuk membangunkan sesebuah negara dari segi ekonomi, sosial, politik ugama dan lain-lain justeru meninggikan mutu kehidupan masyarakat sesebuah negara itu. Usaha-usaha pembangunan ini diadakan oleh kerana kehendak manusia yang tidak terhadap tetapi bahan-bahan adalah terhad lantas perlu diagihkan supaya kehendak dapat dipenuhi walaupun di peringkat minima.

Dudley Seers dalam artikelnya "The meaning of Development" (September 1970) telah mengaitkan tiga faktur yang penting untuk pembangunan iaitu:

- i. Kemiskinan
- ii. Pengangguran

iii. Keadaan tidak samarata

Dikatakan apabila sebuah negara itu mempunyai keadaan-keadaan ini yang meningkat maka dikatakan bahawa sesebuah negara itu tidak membangun atau mundur lantas digolongkan ke dalam negara yang miskin. Beliau menambah lagi bahawa pembangunan adalah satu perancangan yang mempunyai sasaran untuk mengurangkan kemiskinan, pengangguran dan keadaan tidak samarata. Jika sesebuah negara gagal untuk mengadakan perancangan dan menurunkan kadar mana-mana satu daripada keadaan berikut dan keadaan ini menjadi bertambah buruk maka ini bukanlah pembangunan seperti katanya:

"..... if one or two of these central problems have been growing worse, especially if all three have, it would be strange to call the result "development" even if per capita income doubled".

(Seers: 1970:3)

Seers mengatakan bahawa walaupun pendapatan per kapita adalah tinggi tetapi ini tidak menunjukkan sesebuah negara itu membangun jika timbul mana-mana keadaan tadi kerana pengkiraan pendapatan per kapita adalah bersifat subjektif dan tidak menunjukkan pengingkatan mutu hidup. Oleh itu perancangan yang mengenai sasaran adalah penting untuk menunjukkan pembangunan dan ini boleh ditambah dengan faktur-faktur lain seperti sistem pelajaran, kebebasan bercakap dan lain-lain. Seers juga menekankan bahawa jika pendapatan negara bertambah dan pembesaran "economic cake" ini dapat diagihkan maka ini merupakan satu cara untuk mengatasi ketiga-tiga perkara yang timbul tadi.

Syed Husin Ali pula dalam bukunya "Apa Erti Pembangunan" (1979) mengatakan pembangunan adalah membangunkan segala bentuk pembangunan yang menyentuh tentang masyarakat. Ini dijelaskan seperti di bawah:

"Selagi pembangunan tidak dijalankan dalam semua lapangan dengan sepenuh tumpuan dengan mementingkan soal-soal yang asas dan tidak soal-soal lambang saja maka selagi itulah pendapatan negara ini seluruhnya tidak akan bertambah".

(Syed Husin Ali 1979: 2)

Bagi Syed Husin Ali, pembangunan mestilah dilaksanakan dalam semua lapangan seperti ugama, ekonomi, sosial dan tidak pada lambang-lambang saja (secara simbolik sahaja). Misalnya dalam bidang ekonomi ia mengatakan bahawa jika pendapatan per kapita digunakan untuk menunjukkan pembangunan ekonomi maka ini tidak menunjukkan keadaan yang sebenar dan tidak boleh mengatakan kemajuan telah wujud dalam masyarakat. Ini adalah disebabkan kerana pengiraan pendapatan per kapita mengambil pendapatan yang tertinggi dan pendapatan terendah dibahagi dua lalu tidak menunjukkan pendapatan yang benar kerana tidak semua orang mempunyai jumlah pendapatan purata itu dan hakikatnya masih ramai lagi mempunyai pendapatan yang rendah daripada pendapatan purata per kapita. Misalnya dalam contoh yang diberikan:

"Bila kita ambil dua orang, satu dibandar dan satu lagi di kampung, satu menjadi taukeh dan satu menjadi petani, taukeh mendapat lima ribu ringgit sebulan dan petani hanya mendapat lima puluh ringgit sebulan ukuran purata dikatakan petani serta taukeh itu mendapat dua ribu lima ratus dua puluh lima ringgit seorang. Hakikat ini tidak benar.

Hakikat yang sebenarnya ialah taukeh di bandar masih tetap mendapat lima ribu ringgit dan petani mendapat lima puluh ringgit".

(Syed Husin Ali: 1979: 3)

Oleh itu Syed Husin Ali, menegaskan bahawa untuk memikirkan persoalan-persoalan pembangunan, kita mesti memikirkan soal-soal untuk meninggikan taraf hidup orang-orang miskin di kampung, kerana mereka ini masih menjalankan aktiviti dan menggunakan cara-cara lama. Orang-orang miskin masih terbiar pada penindasan samada dari tuan-tuan tanah, orang tengah dan orang-orang yang memberi hutang. Walaupun ada banyak lambang-lambang seperti jalanraya yang sempurna untuk terus masuk ke kampung ini bukan menunjukkan mutu hidup orang kampung telah meningkat malahan ini memudahkan orang-orang tengah tadi masuk dan membeli hasil-hasil keluaran orang dengan harga yang murah dan sehingga mendapat keuntungan yang berlebihan. Ini adalah penindasan dan merupakan punca kemiskinan rakyat yang mencacatkan pembangunan negara, oleh itu perlukan perancangan yang baik dalam segala-segala aspek.

Dennis Goulet pula dalam bukunya "The Cruel Choice" (1973) mengatakan pembangunan adalah satu proses yang mesti dilalui oleh semua masyarakat dan sekiranya masyarakat tersebut berjaya maka ia akan muncul sebagai sebuah masyarakat yang baik, bersih, moden, kaya dan cekap.

Beliau melihat pembangunan itu dalam 2 proses iaitu:

- i. Proses pengeluaran yang bersabit untuk meninggikan

taraf sosio-ekonomi.

ii. Proses yang bersabit dengan ideologi dan kuasa.

Untuk sebuah masyarakat itu menjadi maju maka perlu di tinggikan ekonomi dengan mengeluarkan pengeluaran yang tinggi serta perlukan kelicinan untuk gembelingkan bahan-bahan mentah dengan tenaga manusia untuk mengujudkan keadaan sosio-ekonomi yang baik.

Satu lagi proses ialah bersabit dengan ideologi dan kuasa di mana ia menekankan tentang pengawalan alam sekitar. Pertelingkahan dalam ideologi dan kuasa menyebabkan berlakunya perubahan dalam struktur masyarakat. Negara-negara yang kaya akan cuba mengawal negara-negara yang miskin yang kaya dengan bahan mentah. Oleh itu Goulet menegaskan faktur kebebasan dalam sesbuah negara yang ingin membangun supaya ia dapat berdikari dalam mengawal sistem hidupnya dan bukan dikongkong oleh negara yang lain.

Ringkasnya negara-negara itu mestilah bebas. Bagi Goulet tiga komponen bagi kehidupan yang baik yang dinilai tinggi oleh negara-negara maju atau negara-negara mundur ialah:

- i. Kehidupan berdikari
- ii. Mendapat sanjungan
- iii. Kebebasan

Walaupun pembangunan itu adalah satu proses amat nyata dari segi fizikal tetapi ia juga satu proses yang menepati keadaan

pemikiran masyarakat di mana aspek sosio-ekonomi dan institusi bergabung untuk mencapai matlamat pembangunan yang akan membawa pada mutu hidupan yang lebih tinggi.

Terdapat berbagai-bagai pendekatan yang diambil oleh negara-negara yang mahukan pembangunan dan pendekatan-pendekatan itu adalah seperti berikut:

A. Konsevatif meliputi:

- i. Perlakuan
- ii. Psikodinamik
- iii. Difusi

B. Konflik meliputi:

- i. "Structuralist" Non Marxist
- ii. "Marxist"

Pendekatan perlakuan telah dipopularkan oleh Kunkel (1970), Lipset (1967), Homans (1961) dan lain-lain lagi. Pendekatan ini menegaskan bahawa perlakuan seseorang itu membentuk masyarakat dan perlakuan itu adalah disebabkan oleh sosialisasi semasa kecil. Bagi negara yang mundur atau negara sedang membangun (NSM) maka perlakuan individu-individu dalam masyarakat adalah perlakuan yang tidak menunjukkan ciri-ciri masyarakat maju maka dengan itu pendekatan ini menekankan perihal pentingnya pembelajaran semula, sikap rasionalis dan lain-lain dalam mengejar nilai untuk memajukan sebuah masyarakat itu supaya dapat menunjukkan mutu hidup yang maju moden dan kaya.

Mengikut pendekatan psikodinamik yang dipopularkan oleh

Hagen (1962) dan Mac Clelland (1961) menekankan faktur-faktur pencapaian keperluan untuk mencapai kemajuan. Jika seseorang individu itu mempunyai faktur ingin maju yang tinggi maka dikatakan majulah sesebuah masyarakat jika ditanam nilai-nilai tadi.

Satu lagi pendekatan yang lebih popular dalam mencapai pembangunan ialah difusi yang dipopularkan oleh W.W. Rostow dalam bukunya "The Stages of Economic Growth" (1971).

Mengikut Rostow wujud dualisme dalam masyarakat iaitu masyarakat maju dan mundur atau negara sedang membangun (NSM). Dikatakan bahawa dualisme ini wujud kerana penggunaan teknologi yang berbeza-beza yang mana negara-negara maju mengukur pembangunan sebagai penggunaan teknologi yang tinggi.

Pendekatan yang radikal pula menegaskan bahawa perlu diadakan rombakan dalam institusi dan mengujudkan keadaan masyarakat yang sama rata (*classless society*) mengikut pendekatan ini, masyarakat "plural" timbul adalah kerana adanya stratifikasi dalam masyarakat dan ini mengujudkan keadaan tidak samarata dalam masyarakat dan untuk timbulkan "*classless society*" ini perlulah mengadakan revolusi supaya pembangunan dapat dicapai pendekatan ini dipopularkan oleh A.G. Frank dalam bukunya "Sociology of Development and Under Development of Sociology". (1970)

Kesimpulannya pembangunan tidak syak lagi merupakan alat yang penting dalam meninggikan taraf hidup masyarakat dan negara-negara mengambil pendekatan-pendekatan yang berbeza dalam mencapai tujuan yang sama iaitu pembangunan.

2.3 Pembangunan Di Malaysia

Di Malaysia kini juga mengalami proses pembangunan yang boleh dikatakan tinggi. Dasar pembangunan ini telah disalorkan melalui rancangan-rancangan Malaysia iaitu Rancangan Malaysia Pertama (RTP), Rancangan Malaysia Kedua (RMK), Rancangan Malaysia Ketiga (RMT) dan Rancangan Malaysia Keempat 1980 - 1985 (RME) yang juga diselaraskan dengan strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Rancangan-rancangan ini diadakan kerana memandangkan masalah besar di Malaysia iaitu kemiskinan dan ketidak samarata. Kemiskinan ini jelas di kawasan-kawasan luarbandar yang melibatkan masyarakat luarbandar dan juga kemiskinan orang-orang Melayu disebabkan ekonomi yang mereka jalankan. Didapati bahawa 1.6 juta keluarga di Semenanjung Malaysia adalah miskin dalam tahun 1970 dan ini didapati di kawasan luarbandar dan mereka merupakan hampir 89% dari jumlah semua orang miskin (RMT: 84).

Di Semenanjung Malaysia sebanyak 74% daripada orang miskin adalah terdiri dari orang-orang Melayu. Jika dikira mengikut kaum yang utama pula sebanyak 65% dari semua orang Melayu adalah miskin. Ini berbanding dengan kadar kemiskinan di kalangan orang-orang Cina sebanyak 26% dan orang-orang India 39% (RMT:84).

Oleh kerana timbul masalah kemiskinan, pengangguran, daya pengeluaran yang rendah dan lain-lain ini maka yang menjadi matlamat penting dalam Rancangan Malaysia daripada Rancangan Malaysia Pertama

sehingga keempat ialah:

- i. Membasmi kemiskinan
- ii. Menyusun semula masyarakat

Kemiskinan yang ketara adalah di kalangan orang-orang Melayu luarbandar dan mereka merupakan hampir 89% daripada semua orang miskin. Ini adalah disebabkan oleh pengeluaran dan pendapatan yang rendah, tanah yang tidak ekonomi dikerjakan, sistem kredit yang mencengkam penggunaan alat-alat tradisi dan berbagai-bagai lagi.

Manakala dalam matlamat yang kedua langkah kerajaan adalah untuk menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut kegiatan-kegiatan ekonomi dihapuskan (RMK: 6) Dalam RMT ditegaskan bahawa tujuan matlamat ini adalah untuk mengujudkan penyertaan seimbang oleh semua kumpulan kaum dalam proses perkembangan dan pelbagai ekonomi. Dua matlamat yang paling penting ialah pertama, pengambilan pekerja di berbagai sektor ekonomi dan di semua peringkat pekerjaan patut mengambarkan susunan kaum negara ini menjelang tahun 1990 serta kedua, hak milik harta-harta produktif seharusnya disusun semula supaya menjelang tahun 1990 orang-orang Melayu dan kaum Bumiputera yang lain akan memiliki dan mengendalikan sekurang-kurangnya 30% dari jumlah hak milik tersebut (RMT:88).

Oleh itu maka kerajaan Malaysia telah menjalankan aktiviti untuk mengatasi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dengan melibatkan berbagai-bagai agensi kerajaan. Antaranya seperti RISDA (Rubber Industry Small Holders Development Authority), LPN (Lembaga

Padi dan Beras Negara), FELDA (Federal Land Development Authority) FELCRA (Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority) dan lain-lain agensi kerajaan seperti MARA (Majlis Amanah Rakyat), PERNAS (Perbadanan Nasional), Bank Bumiputera, PKEN-PKEN (Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri), UDA (Perbadanan Pembangunan Bandar) dan lain-lain.

Dalam kajian latihan ilmiah ini RISDA adalah dilihat sebagai sebuah agensi kerajaan yang diamanahkan supaya membasmi kemiskinan di kalangan pekebun-pekebun kecil getah.

Rata-rata kita lihat bahawa pekebun-pekebun kecil getah ini merupakan golongan miskin kehidupan mereka yang mundur hidup secara tradisional, keluasan tanah yang tidak ekonomik, daya pengeluar yang rendah, pendapatan yang rendah. Ini ditambah lagi oleh sistem kredit yang menjerat leher, pemasaran dan sistem pemeroses yang tidak baik lantas dengan itu RISDA telah mengadakan projek-projek bagi memperbaiki keadaan hidup masyarakat pekebun kecil getah.

Antara programnya ialah:

A. Untuk menambahkan pendapatan pekebun kecil melalui

penambahan pengeluaran, RISDA mengadakan Rancangan

Tanam Semula, Bekalan benih dan lain-lain

100 tan atau kilo berbanding dengan 150 tan atau kilo di tahun 1970 (RISDA: 34).

- B. Meninggikan pendapatan melalui pemberian dalam mutu pengeluaran RISDA mengadakan; kemudahan pemerosesan dengan pembukaan Pusat-pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPPK), Modal bagi PPPK bagi menjayakan jualan berkelumpuk, kemudahan rumah asap dan pemasaran hasil pengeluaran pekebun kecil.
- C. Menampung pendapatan dari penanaman getah dengan kegiatan ekonomi lain termasuk perubahan perusahaan perniagaan kecil, tanaman selingan jangka pendek, ternakan secara komersial dan perikanan.
- D. Mengadakan ruangan pembangunan tanah bagi pekebun kecil yang memiliki keluasan kebun yang tidak ekonomi.

Dalam matlamat membasmi kemiskinan ini dengan usaha dan program RISDA keadaan kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah di Semenanjung Malaysia telah menurun daripada 64.7% dalam tahun 1970 kepada 41.3% dalam tahun 1980. (RME: 37). Ini adalah disebabkan oleh rancangan menanam semula iaitu dalam tahun 1980 lebih kurang 135,000 pekebun kecil meliputi 279,000 hektar telah terlibat dalam rancangan tanam semula dan menyebabkan purata harga getah pada tahun 1980 adalah 300 sen satu kilo berbanding dengan 128 sen satu kilo di tahun 1970 (RME: 38).

Penjualan getah juga telah meningkat daripada 35,400 tan

dalam tahun 1976 kepada 55,000 tan dalam tahun 1980 iaitu penambahan sebanyak 55% dan dengan itu didapati bahawa telah kelihatan peningkatan pendapatan sebulan pekebun kecil getah daripada \$228.00 dalam tahun 1973 kepada \$450.00 dalam tahun 1979 (RME: 38).

Manakala dalam matlamat penyusunan semula masyarakat RISDA telah melaksanakan berbagai projek untuk mengurangkan perbezaan ekonomi di dalam sektor pekebun kecil dan di antara sektor-sektor yang lain. Usaha-usaha ini termasuklah pembangunan pengusahawan di kalangan pekebun kecil dan penyediaan kemudahan bagi pekebun kecil melabor modal serta menambahkan kemahiran dalam bidang-bidang ekonomi yang akan dapat mempercepatkan program penyusunan semula masyarakat.

Maka di sini RISDA mengadakan berbagai-barai program melibatkan pekebun getah dan juga wanita-wanita pekebun kecil getah, RISDA telah mengadakan dua projek wanita iaitu:

- i. Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK)
- ii. Karyadesa

Tujuan projek ini ialah untuk menambahkan pendapatan keluarga pekebun kecil dengan penglibatan wanita pekebun kecil dalam kegiatan ekonomi walaupun dilakukan secara kecil-kecilan.

Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk mengadakan program-program pelajaran, latihan dan pelajaran formal melalui program-programnya khusus di sini adalah RISDA yang bukan saja mengajar kemahiran bahkan juga lain-lain jenis pelajaran yang boleh

mendatangkan faedah pada isi rumah pekebun kecil getah.

Di sini PWPK adalah sebuah projek bersifat ekonomi manakala karyadesa pula projek yang memberi latihan-latihan seperti menjahit, mengayam, menenun dan lain-lain kemahiran.

Kesimpulannya didapati bahawa dalam usaha kerajaan Malaysia untuk membangun maka ia telah menggunakan beberapa pendekatan yang telah disebutkan. Yang jelas sekali ialah pendekatan difusi iaitu pendekatan yang mana kerajaan Malaysia telah mengenal pasti sektor-sektor yang mundur untuk disalorkan serta diterapkan pengetahuan kemahiran, nilai, institusi dan teknologi moden ke dalam sektor yang mundur khasnya di kawasan luarbandar.

Mengikut Shamsul Amri (1977) proses untuk menyalorkan nilai-nilai, teknologi moden dan lain-lain adalah dilakukan melalui kontek integrasi, difusi dan akulturasi yang bercorak sehala daripada moden ke tradisional.

Walaupun mengikut Shamsul Amri pendekatan difusi adalah pendekatan yang penting, namun demikian ada beberapa pendekatan yang diambil oleh kerajaan Malaysia dalam usaha pembangunan. Antaranya ialah pendekatan pelakuan dan psikodinamik. Dalam pendekatan pelakuan-pelakuan yang boleh membawa pada kemajuan. Antara pelakuan-pelakuan itu ialah sifat-sifat bercorak "Universal", pencapaian status melalui ketekunan sendiri dan lain-lain lagi. Ini boleh dilakukan melalui revolusi mental.

Mengikut Syed Husin Ali (1979) revolusi mental adalah perlu kerana masyarakat tani masih lagi terikat pada pemikiran tradisi yang banyak mengongkong pada kemajuan. Revolusi ini boleh dilakukan melalui perubahan dan revolusi politik, ekonomi, pelajaran dan lain-lain lagi.

Manakala pendekatan psikodinamik ialah menekankan pada menularnya sikap "factor achievement" yang tinggi di kalangan rakyat Malaysia. Misalnya cogan kata "Bersih, cekap dan amanah" merupakan slogan yang menggalakkan "factor achievement" ini agar rakyat Malaysia mempunyai dedikasi yang tinggi dalam usaha memajukan diri sendiri.

Walaupun Malaysia bukanlah sebuah negara yang mahukan pembangunan melalui revolusi seperti saranan oleh pendekatan Marxist tetapi beberapa ciri dalam pendekatan ini telah digunakan. Antaranya konsep untuk menghak negarakan badan-badan yang penting telah dijalankan. Antaranya ialah pemilikan Syarikat Sime Darby telah diperuntukkan pada warganegara Malaysia di mana 70% daripada kerusi syarikat itu diperuntukkan pada warganegara Malaysia tanpa mengira bangsa.

Oleh yang demikian kita dapati dalam usaha pembangunan dan strategi yang diadakan oleh kerajaan Malaysia adalah berlandaskan kepada beberapa pendekatan yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh pembangunan. Walaupun apa juar pendekatan yang dilakukan, namun matlamat yang penting yang diutamakan ialah:

- i. Membasmikan kemiskinan dan
- ii. Untuk menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi

Maka RISDA sebagai sebuah agensi kerajaan dalam usaha menerapkan nilai-nilai moden, teknologi moden dan alat-alat moden telah dilakukan melalui strategi RISDA sendiri melalui projek-projek yang tertentu dan salah satunya yang dikhaskan pada kaum wanita ialah PWPK dan KARYADESA.

2.4 Peranan Wanita

Peranan didefinisikan sebagai satu pola pelakuan yang berkaitan dengan status atau kedudukan sosial seorang dalam sebuah kelompok dan sebenarnya kedua-duanya tidak dapat dipisahkan. Tiap-tiap satu status disertai dengan peraturan-peraturan dan norma-norma yang menentukan apa yang mesti dan apa yang tidak boleh dilakukan oleh individu-individu yang mendokongi norma-norma itu. Norma-norma itu di kenali sebagai suatu peranan. Dengan lain perkataan peranan adalah pola-pola tingkah laku yang dijangkakan dari seseorang yang berkaitan dengan status yang didudukinya.

Dalam memperkatakan tentang peranan telah didapati bahawa terdapat kontraversi mengenai peranan wanita seperti yang dikemukakan oleh Friedl dalam bukunya "Women and Men: An Anthropological View." (1975) Ada pendapat yang mengatakan perbezaan dari segi biologi dan psikologi di antara lelaki dan wanita adalah menjadi sebab-sebab yang berkesan dalam pembahagian tugas dan hak di kalangan wanita dan lelaki dalam semua "masculine" aspects kecuali

masyarakat. Pendapat yang lain pula menyarankan bahawa perbezaan peranan jantina adalah disebabkan oleh faktor sosial dan budaya. Jadi seterusnya akan dihuraikan dua aliran pemikiran ini untuk memperjelaskan lagi peranan wanita.

Aliran pemikiran yang berorientasikan biologi seterusnya menyarankan bahawa terdapat ciri-ciri sosial dan kebudayaan yang sama dalam semua masyarakat, maka persamaan-persamaan ini terjadi hasil daripada faktor-faktor genetik. Menurut aliran ini lagi terdapat garis perbezaan yang nyata antara peranan-peranan yang dilakukan oleh wanita dan lelaki. Maka dengan maksud yang lain pembahagian tugas berdasarkan pada seks atau jantina adalah satu perkara yang universal yang juga terdapat di kalangan masyarakat primitif yang sama aktiviti-aktiviti seperti berperang, memburu, melakukan kerja-kerja berat adalah didefinisikan sebagai "masculine" yang dilakukan oleh lelaki manakala aktiviti-aktiviti yang melibatkan kerja-kerja penjagaan anak, pertukangan tangan dan lain-lain kerja yang melibatkan rumah tangga adalah dianggap sebagai "feminine". (Seward William 1970:4).

Saranan seperti ini sama seperti apa yang dinyatakan oleh Ester Boserup dalam bukunya "Integration of Women in Development Why, When, How" (1975) iaitu:

"Women are responsible for the care of small Children, the gathering or production of the major share food consume and house keeping work in general, including the fetching of water and preparation (Ester Boserup 1970: 11)

Jelas di sini Boserup mengatakan bahawa wanita lebih kepada pekerjaan yang bersifat "femine" dan "private" dalam keadaan semulajadinya manakala ia pula menegaskan bahawa lelaki mempunyai peranan yang bersifat "masculine" seperti katanya:

"The men, on the other hand are in charge of such activities as the supplying of game and fish, the periodic clearing of ground for shutting or fellow cultivation, cattle herding and safety of the country"

(Ester Boserup 1970:11)

Pandangan Boserup ini telah disokong oleh Laws dalam bukunya "The Second Sex Role and Social Role" (1976) di mana ia mengatakan:

"This complex of role constitutes the normal expectation of adult women in society or the female sex role. Sex role ideology specific different ways for women and men to participate in all constitutional spheres in society."

(Laws 1976:86)

Jelas di sini menunjukkan bahawa pembahagian peranan adalah disebabkan oleh keadaan biologi maka dengan itu kanak-kanak lelaki dan perempuan telah dilatih dari kecil untuk memperlihatkan pola-pola pelakuan yang bersesuaian dengan seks mereka.

Walau bagaimanapun penentuan ke atas masyarakat manusia berdasarkan kepada faktor biologi ini telah disangkal oleh beberapa tokoh, lalu menyarankan faktur alam sekitar sebagai penentu utama terhadap peranan-peranan yang dimainkan oleh seorang. Misalnya Friedl (1975) di dalam pendekatannya yang berdasarkan "environmental aspect" telah mengatakan bahawa perubahan alam sekeliling dapat mempengaruhi peranan dan tanggungjawab seorang. Menurut mereka lagi, penentuan peranan di antara wanita dan lelaki bukanlah warisan biologi semata-mata. Tetapi adalah juga disebabkan oleh faktur-faktur lain seperti fungsi serta keadaan sosial dan budaya dalam sebuah masyarakat. Oleh itu Friedl menunjukkan bahawa di setengah-setengah masyarakat terdapat wanita

melakukan perkerjaan (kalau mengikut biologi dilakukan oleh lelaki) seperti turut serta dalam politik dalam masyarakat Iroquois. Amerika Utara, manakala di Barat Afrika wanita menjadi pahlawan (warriors)

Golongan ini menegaskan lagi bahawa anggapan yang mengatakan sifat wanita secara semulajadi adalah lemah dalam segala hal dan menganggap lelaki sebagai aktif, merupakan anggapan yang boleh dipertikaikan. Perbezaan keadaan ini hanyalah merupakan perbezaan "secondary" sahaja dan bukannya "primary". Apa yang utama bagi golongan ini dalam menentukan peranan seseorang ialah faktur budaya sesuatu masyarakat. Berhubung dengan itu

"All societies prescribe different attitudes and activities to men and women. Most of them try to rationalize these prescriptions in terms of the physiological differences between the sexes or their different roles in the reproduction. However, a comparative study of the statuses ascribed to women and men in different cultures seems to show that while such factors may be served as a starting point for the development of a division the actual ascriptions are almost entirely determined by culture"

(dipetik dari Montagu: 1952:15)

Menurut Holter pula (1975) peranan wanita berubah kerana disebabkan oleh adanya perubahan dari segi teknologi, pelajaran dan nilai-nilai budaya sesuatu masyarakat. Wanita kini bebas untuk memilih peranan yang dimainkan. Dengan kemajuan teknologi serta pencapaian di dalam pelajaran, membolehkan wanita bersaing dengan lelaki serta memainkan peranan yang sama pentingnya dengan kaum lelaki. Akibat dari perubahan corak ekonomi dari sara diri pada

ekonomi penggunaan barang-barang telah menyebabkan perubahan peranan yang dimainkan oleh wanita dalam masyarakat. Berserta dengan faktur pencapaian wanita dalam bidang pelajaran, serta perubahan ekonomi maka peranan wanita telah berubah.

Apabila wanita mengalami perubahan di bidang ekonomi, maka secara tidak langsung bidang sosial mereka turut berubah di mana mereka telah bekerja untuk menghasilkan pendapatan. Jadi dalam hal ini kaum lelaki tidak lagi memonopoli tugas di sektor "public" dan wanita pula di sektor "private".

Selain daripada itu, wanita juga turut bergiat dalam kegiatan-kegiatan yang berhubung dengan masyarakat. Hubungan sosial mereka tidak lagi terhad dalam lingkongan rumah tangga itu di antara suami dan anak tetapi juga dengan masyarakat.

Seterusnya golongan "environmentalist" ini juga menganggap bahawa kekuatan fizikal, bukanlah merupakan faktor utama dalam menentukan peranan kaum wanita dan lelaki. Tetapi, sebaliknya ia ditentukan oleh faktur pencapaian seseorang. Di sini adalah jelas bahawa penentuan peranan yang diwarisi atau faktur yang berdasarkan kepada perbezaan biologi adalah kurang penting, jika dibandingkan dengan faktur pencapaian. Sungguhpun demikian golongan ini tidak pula menafikan wujudnya "male dorminance" dalam masyarakat dan mereka juga tidak mengenepikan terus adanya peranan wanita yang tradisi yang masih tetap wujud iaitu sebagai ibu yang melahirkan anak.

Berdasarkan pada dua pendekatan ini, maka latihan ilmiah pengkaji adalah bertujuan untuk melihat di dalam kategori manakah wanita pekebun kecil getah ini tergolong.

RISDA adalah sebuah agensi kerajaan yang berusaha untuk membangunkan pekebun kecil melalui terapan nilai-nilai moden dan ingin membawa wanita pekebun kecil keluar dalam lapangan "private". Oleh itu projek-projek untuk wanita telah diadakan iaitu Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) dan karyadesa. Antara kegiatan-kegiatan yang dijalankan dalam projek ini adalah seperti memproses makanan, menenun, menganyam, menjahit dan lain-lain kegiatan bagi menambahkan pendapatan mereka bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Walaupun usaha-usaha ini dilakukan oleh RISDA, namun demikian rata-rata kita lihat bahawa kegiatan yang dibuat oleh wanita pekebun kecil masih lagi bersifat "domestic" di mana mereka mengerjakan kerja-kerja yang dilakukan oleh wanita.

Kesimpulannya walaupun RISDA cuba memodenkan dan membangunkan wanita pekebun kecil melalui pendekatan pembangunan untuk membawa wanita pekebun kecil bergiat di luar lingkongan rumah tangga, namun demikian kegiatan-kegiatan yang disyorkan adalah kegiatan-kegiatan yang melibatkan pekerjaan "domestic" dan ini dapat disimpulkan bahawa wanita pekebun kecil RISDA masih lagi monopoli pendekatan yang pertama di mana peranan mereka berdasarkan pada pembahagian biologi.

Bab-bab seterusnya akan memberikan butir-butir yang lebih terperinci mengenai kesimpulan ringkas yang diberikan di atas tadi.

BAB III

RISDA

3.1 Pendahuluan

Kemiskinan rata-rata menjadi satu masalah yang sentiasa diambil berat oleh kerajaan maka dengan itu tertubuhlah berbagai-bagai rancangan bagi mengatasi masalah ini. Di antara yang paling menonjol ialah rancangan-rancangan Malaysia iaitu, Rancangan Malaysia Pertama (RMP) (1965 - 1970), Rancangan Malaysia Kedua (RMK) (1971 - 1975), Rancangan Malaysia Ketiga (RMT) (1971 - 1975), dan Rancangan Malaysia Keempat (RME) (1980 - 1985).

Keseluruhananya pada tahun 1970 dikatakan terdapat sebahagian besar daripada 1.6 juta keluarga di Malaysia adalah miskin dan kebanyakannya tinggal di luarbandar (RMT: 84). Mereka ini merupakan 89% daripada orang-orang miskin yang bekerja sebagai pekebun kecil getah, penanam padi, nelayan dan buruh kontrak.

Kemiskinan yang sangat ketara adalah di dalam sektor pertanian jika dibandingkan dengan sektor yang lain. Ini adalah kerana peratusan yang sangat besar iaitu dalam tahun 1970 ianya adalah 68.3% dan menurun kepada 46.1% dalam tahun 1980 (RME: 36 & 37).

Pekebun-pekebun kecil getah tidak terlepas daripada gejala ini kerana mereka mempunyai berbagai masalah seperti tanah tidak ekonomik lagi bertaburan tanpa adanya tenaga buruh yang dinamik dan

dan kewangan untuk meninggikan pendapatan mereka. Ini adalah kerana mereka kurang mempunyai pelajaran serta terlalu bergantung pada alat tradisional.

Di antara masalah yang paling ketara sekali ialah keluasan saiz ladang di bawah saiz optima. Mengikut Chamhuri Siwar (1974:123) saiz optima bagi sebuah ladang untuk sebuah keluarga ialah 6 - 8 ekar tetapi yang nyata kita dapati bahawa pekebun kecil mempunyai tanah kurang daripada saiz ini.

Walaupun mereka ini menghadapi masalah ini tetapi jelas pada kita bahawa sumbangan mereka adalah besar, walaupun secara kecil-kecilan pada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara. Sektor ini menyumbangkan 33.4% dari jumlah ekspot negara dan mengeluarkan 1,345,000 tan dalam masa yang sama (RME:20) pengeluaran yang banyak ini datangnya daripada permintaan dunia yang kian bertambah. Oleh itu untuk memenuhi permintaan dunia bagi getah asli ini yang kebanyakannya dikeluarkan oleh pekebun kecil yang miskin tiada pelajaran serta hidup secara tradisional, dengan daya usaha kerajaan Malaysia maka tertubuhnya pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Pekebun Getah pada tahun 1973 atau yang lebih darikenali sebagai RISDA (Rubber Small Holder Development Authority).

3.2 Sejarah Penubuhan RISDA

RISDA telah dirasmikan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bin Datuk Hussein (bekas Perdana Menteri Kedua). Sebelum itu tugas-tugas

untuk memajukan pekebun kecil getah adalah di bawah pengawasan dan pengurusan Lembaga Perusahaan Getah Taman Semula, Pusat Penyelidikan Getah (RRI) dan Rancangan Bekalan Benih.

Tetapi dengan tertubuhnya RISDA maka badan-badan ini telah bersatu kecuali RRI sebagai sebuah badan yang berasingan. Namun begitu ia mempunyai perkaitan yang rapat dengan RISDA sebagai badan untuk menyelidik getah supaya dapat meninggikan hasil pengeluaran getah dan penggunaan teknologi moden untuk pekebun kecil getah.

RISDA menjalani programnya selaras dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta Rancangan-rancangan Malaysia bagi membantu pekebun kecil getah dan mementingkan 2 aspek iaitu membasmikan kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah dan menyusun semula masyarakat.

3.2.1 Tujuan RISDA

Tujuan RISDA yang utama adalah untuk menambahkan pengeluaran getah negara ini supaya dapat memenuhi permintaan dunia bagi getah asli dan getah tiruan.

Selain daripada itu RISDA mempunyai tujuan membasmikan kemiskinan yang semakin berleluasa di kalangan pekebun kecil getah bagi memperbaiki kehidupan mereka ini. Keadaan kemiskinan ini di pengaruhi oleh masalah sosio-ekonomi yang utamanya disebabkan oleh keluasan tanah yang tidak ekonomik, dengan pengeluaran yang rendah dan sistem pengurusan kebun yang tidak mengikut amalan-amalan yang baik tambahan pula, kedudukan mereka adalah bertaburan di seluruh

negara dan terletak di kawasan mundur di mana kemudahan infrastruktur, kredit, pemasaran, pemerosesan sukar didapati. Dengan ini RISDA telah mengadakan berbagai rancangan bagi memperbaiki kedudukan mereka yang miskin.

Dalam pada itu RISDA juga bertujuan untuk menyusun semula masyarakat bagi merapatkan jurang ekonomi di kalangan rakyat di negara ini. Bagi tujuan ini RISDA telah melaksanakan berbagai projek bagi mengurangkan perbezaan ekonomi antara sektor pekebun kecil dan sektor-sektor yang lain. RISDA juga mengadakan program-program masyarakat supaya dapat pekebun kecil memainkan peranan di dalam pembangunan ekonomi negara dengan lebih giat dan berkesan.

3.3 Tugas-Tugas RISDA

Di bawah undang-undang Akta Pihak Berkuasa kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah 1972, tugas-tugas utama RISDA adalah seperti berikut:

A. Pentadbiran Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) yang ditubuhkan di bawah Seksyen 3 Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah 1952.

B. Pengurusan dan pengendalian yang berjaya bagi rancangan-rancangan yang disediakan dan diluluskan di bawah Peruntukan Ordinan Kumpulan Wang Perusahaan Getah (Penanaman Semula) 1952.

C. Rancangan dan Perlaksanaan segala pembaharuan

penyelidikan dalam sektor pekebun kecil getah.

Selain daripada itu tugas-tugas RISDA di atas ia juga bertanggungjawab untuk melaksanakan tanam semula dengan menggunakan teknologi moden daripada penyelidikan oleh agensi-agensi ataupun Jabatan Kerajaan yang lain. RISDA juga bertugas untuk memastikan segala teknologi moden dalam proses pemerosesan dan mengambil berat tentang pemasaran getah.

Selain daripada bidang meninggikan pengeluaran getah, RISDA juga bertugas untuk memodenkan masyarakat pekebun kecil melalui proses orientasi rohani dan jasmani.

Tidak ketinggalan RISDA bertanggungjawab mengadakan badan-badan dan anak syarikat pekebun kecil dalam mengurus dan mengawasi proses tanaman sehingga pada pelaburan, kewangan, perkilangan dan lain-lain.

Jika di sini tugas-tugas RISDA adalah memenuhi tujuan-tujuan RISDA dalam meninggikan pendapatan pekebun kecil.

3.4 Struktur Organisasi RISDA

RISDA yang diletakkan di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah adalah ditadbirkan oleh satu lembaga pentadbir yang terdiri daripada berbagai-bagai gred kakitangan.

Mengikut sumber yang dari RISDA, RISDA mempunyai 143 orang daripada Gred A, 123 Gred B, 1,262 Gred C dan 1,085 Gred D. Jumlah ini tidak termasuk kakitangan sementara dan juga kakitangan bergaji harian. Jumlah ini telah bertambah dari masa ke semasa disebabkan

perkembangan tugas-tugas RISDA bagi pembangunan secara menyeluruh terutama sekali dalam bidang pembangunan, perladangan, pemasaran serta khidmat perkembangan teknik.

RISDA ditadbirkan oleh satu pihak lembaga RISDA yang dianggotai oleh Pengarah RISDA, Timbalan Pengarah di Ibu Pejabat dan dibantu oleh pegawai-pegawai yang bertugas di Cawangan Negeri dan seterusnya di peringkat daerah (lihat Jadual I).

Pegawai-pegawai di Ibu Pejabat bertugas untuk menyelaras, mengendali, menyusun dan mengawasi segala kegiatan supaya berjalan dengan sempurna. Tugas pegawai-pegawai di Ibu Pejabat lebih kepada perancangan dan membuat polisi, manakala di bahagian cawangan adalah penukaran polisi kepada tindakan yang sebenarnya. Cawangan-cawangan di peringkat daerah atau lokaliti akan bertindak secara langsung. Peringkat ini amat penting kerana menukar polisi pada tindakan dan juga mengawasi perlaksanaannya pada peringkat komuniti.

Ketua Pengarah RISDA adalah orang yang mengetuai dan dibantu oleh sepuluh orang pengarah yang lain yang bertugas dan bertanggungjawab kepada bahagian yang ditentukan kepadanya. Bahagian-bahagian ini adalah berhubung rapat di antara satu sama lain, manakala di bahagian cawangan pula RISDA dibantu oleh pegawai-pegawai RISDA negeri.

Timbalan-timbalan pengarah yang kesepuluh semuanya tadi pula bertugas untuk mengendalikan projek-projek seperti tanam semula, kewangan,

latihan, modenisasi, pentadbiran, estet dan lain-lain lagi.

Di dalam tiap-tiap bahagian ini diketuai oleh Timbalan Pengarah yang ditugaskan untuk mengawal perjalanan bahagian tersebut. Di dalam bahagian kewangan, Timbalan bertugas untuk merangka, mengawal dan menyimpan rekod-rekod perakaunan serta memberi nasihat mengenai pelaburan, menyediakan laporan kewangan dan menyelenggarakan satu sistem akaun am untuk menentukan kedudukan kewangan RISDA.

Bahagian estet pula bertugas untuk menyatukan dan menanam semula kebun kecil getah di samping memberi kredit kepada mini estet.

Bahagian bekalan dan pengangkutan pula bertugas untuk memberikan input-input pertanian seperti baja, racun, benih getah, alat-alat untuk kegunaan pembinaan serta alat-alat memproses getah dan bahan pertanian yang lain. Setelah bahan-bahan itu disediakan maka ia akan diedarkan kepada para pekebun kecil dengan sistem logistik RISDA. Kenderaan-kenderaan RISDA membuat jadual dan menghantar segala bekalan-bekalan kepada pekebun kecil di tempat-tempat mereka.

Bahagian tanam semula pula adalah untuk mendapat hasil yang baik daripada pokok getah yang berbaka baik. Mengikut RME (RME:297) tahun 1976 ~ 1980 sebanyak 21,500 hektar setahun pokok ditanam semula. Selain daripada itu bahagian ini telah memberi bantuan kredit pada pekebun kecil

Bahagian perancangan juga mempunyai fungsi tertentu iaitu menyediakan atau mencadangkan belanjawan yang sesuai bagi RISDA dan

ianya meliputi hal-hal pentadbiran. Ia juga bertugas untuk melaksanakan segala urusan berkaitan perancangan, belanjawan, penilaian atau pengamatan pengajian sosio-ekonomi dan pemasaran hasil pengeluaran pekebun kecil getah.


Tujuan Bahagian Skim Rancangan Pembangunan Perladangan adalah bagi mengatasi masalah pemilikan tanah yang tidak ekonomik di kalangan pekebun kecil getah. Pembangunan Perladangan ini dijalankan secara pembukaan tanah baru kelompok bagi tanah-tanah yang dipohon yang diberikan oleh Kerajaan Negeri. Bahagian ini telah ditugaskan membuka 20,000 ekar setahun untuk dimajukan dan ditanam dengan getah, kelapa sawit dan lain-lain yang dijangka dapat menambahkan pendapatan bagi sesuatu kawasan pertanian (RMT: 245).

Bahagian pemasaran getah pula ditugaskan untuk membeli getah daripada pekebun kecil getah untuk mengelakkan peranan orang tengah yang sekian lama menjerat leher pekebun kecil ini. Selain daripada itu ia juga bertujuan untuk mengelakkan kecekapan pemasaran getah di kalangan masyarakat penjual getah. Pembelian getah ini dilaksanakan oleh pusat-pusat pembangunan pekebun kecil.

Bahagian Latihan dan Pembangunan Masyarakat adalah bertanggung-jawab dalam aspek latihan dan biasiswa bagi keluarga pekebun kecil dan kakitangan RISDA sendiri.

Akhir sekali, bahagian yang menyentuh tentang kegiatan dan program khasnya menjadi tajuk latihan ilmiah pengkaji ialah berkaitan dengan program wanita pekebun kecil ialah Bahagian Pembangunan sosio-ekonomi.

JADUAL I: STRUKTUR ORGANISASI RISDA



Sumber: Laporan Tahunan RISDA (1982)

3.5 Bahagian Pembangunan Sosio-Ekonomi RISDA

Pengkaji menumpukan kepada bahagian ini adalah kerana bahagian inilah yang mengadakan rancangan bagi kaum wanita pekebun kecil getah untuk menambahkan pendapatan keluarga mereka dengan mengadakan berbagai kegiatan ekonomi dan bukan ekonomi.

Tujuan bahagian ini adalah sebagai satu jentera yang akan menterjemahkan dasar-dasar pembangunan pekebun kecil daripada peringkat konsep kepada operasi membantu pihak perlaksana di negeri-negeri untuk merancang, mengawas, merekod, menilai dan melapor kemajuan program-program.

Dalam usaha mencapai kejayaan pada bahagian Pembangunan Sosio-ekonomi ini, RISDA telah memberikan perhatian pada aspek-aspek yang tertentu iaitu:

1. Pembangunan getah
2. Pekebun berintegrasi
3. Kemajuan koperasi
4. Kemajuan keluarga
5. Pengurusan skim kredit
6. Pengurusan skim subsidi
7. Pengurusan skim perumahan
8. Khidmat tanah
9. Khidmat Pengembangan

Oleh kerana terdapat banyak aspek-aspek yang dititikberatkan maka bahagian Pembangunan Sosio-ekonomi ini mempunyai struktur organisasi

sendiri agar dapat menyelenggarakan tugas-tugas dengan lebih licin.

Bahagian ini diketuai oleh seorang Pengarah, seorang Timbalan dan seorang Penolong Pengarah yang berkuasa dalam bahagian ini. Pengarah bertanggungjawab kepada semua bahagian secara keseluruhan, manakala Timbalan Pengarah pula mengawasi bahagian yunit khidmat akuakultur, yunit khidmat analisa tanah, yunit khidmat pengembangan, yunit perkebunan berintegrasi dan yunit skim subsidi. Penolong Pengarah pula bertugas untuk mengawasi yunit Pengurusan Skim Kredit, Yunit Kemajuan Keluarga, Yunit Kemajuan Koperasi dan yunit Pentadbiran.

Bahagian khidmat Akuakultur ini adalah bertugas untuk pertanian kehidupan air. Program ini pada tahun 1980 telah melibatkan 216 yang telah memajukan kawasan seluas 60 hektar dengan bantuan sebanyak \$173,906. Didapati Johorlah yang paling banyak melibatkan keluasan tanah yang besar iaitu sebanyak 15.7 hektar.

Bahagian Khidmat Analisa Tanah adalah menjalankan usaha-usaha untuk menjalankan kaji-banci tanah, menghantar tanah untuk dianalisa, mengutip contoh tanah, menentukan jenis-jenis bagi yang patut dan akhir sekali menyediakan laporan-laporan yang lengkap sebagai panduan.

Yunit Pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPPK) adalah bertujuan untuk menggalakkan kegiatan supaya dijalankan secara berkumpulan demi meningkatkan kekesanan usaha pengembangan. Perkumpulan ini merupakan beberapa kemudahan seperti pusat memproses getah, setor, rumah asap, depo, pembelian, dewan dan lain-lain lagi.

Yunit Subsidi adalah untuk membekalkan subsidi bagi input pertanian dan bahagian perkebunan berintegrasi ini bertujuan untuk memperkenalkan konsep perkebunan berintegrasi di mana pekebun tertentu digalakkan supaya menjalankan beberapa kegiatan lain di atas tanah mereka di samping menjalankan usaha menenam semula getah. Kegiatan ini termasuklah menternak haiwan dan akuakultur seperti menternak ikan, air tawar dan udang galah.

Bahagian Pembangunan Koperasi pula adalah bertujuan untuk membuka potensi menjalankan kegiatan koperasi dan didapati pada tahun 1980 sebanyak 62 koperasi yang berdaftar yang mana meliputi 41,882 ahli.

Yunit Program Kemajuan Keluarga dan projek Perkumpulan Pekebun Kecil inilah yang menarik minat kerana yunit inilah yang menumpukan kepada kegiatan wanita pekebun kecil bagi memperbaiki kehidupan mereka. Program Kemajuan Keluarga menjalankan program meningkat kedudukan ekonomi mereka dan menjalankan kegiatan memperbaiki kedudukan keluarga pekebun kecil getah dan ini meliputi dua projek iaitu:

- i. Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK)
- ii. Tabika

Projek PWPK menumpukan perhatian kepada usaha untuk mengumpulkan wanita-wanita di kalangan pekebun kecil getah untuk menjalankan kerja-kerja yang akan memperbaiki kemahiran yang perlu untuk mengurus rumah tangga dan juga menambahkan pendapatan mereka, dengan mengadakan beberapa kegiatan ekonomi dan bukan ekonomi. Kegiatan ini termasuklah

seperti kelas menjahit, kelas memasak, ceramah kesihatan, memproses makanan, kebajikan dan lain-lain.

Di dalam tahun 1980 didapati bilangan PWPK ialah 485 buah dengan bilangan ahli sebanyak 10,785 orang, sejak penubuhannya pada tahun 1978.

Salah satu lagi projek yang dijalankan oleh pihak RISDA masyarakat pekebun kecil adalah projek KARYADESA. Ianya merupakan sebuah projek yang termuda dan terbaharu dijalankan oleh RISDA pada tahun Mac 1981.

Pengkaji akan membincangkan kegiatan wanita ini dengan lebih lanjut untuk melihat kegiatan, organisasi, masalah pencapaian keberkesanan projek tersebut dan selanjutnya dalam bab-bab yang tersendiri.

Kesimpulannya RISDA bertanggungjawab bagi membangunkan sektor pekebun kecil dalam industri getah dengan mengamalkan konsep pembangunan yang menyeluruh atau "total development approach". Dengan ini RISDA telah mengadakan projek yang akan meningkatkan bukan saja pengeluaran dan pendapatan pekebun kecil malah juga akan kesejahteraan keluarga pekebun kecil getah.

RISDA ini terisytik kepada semua kaum wanita ahli keluarga pekebun kecil yang berumur tidak kurang daripada tiga puluh tahun (30), setiap wanita yang ingin menjadi ahli diperlukan untuk mengalih boleh untuk menjadi ahli dan seorang ahli ihs akan kewajipannya diluluskan

BAB IV

PERKUMPULAN WANITA PEKEBUN KECIL (PWPK)

4.1 Pendahuluan

Boleh dikatakan separuh daripada masyarakat pekebun kecil adalah terdiri daripada kaum wanita. Dalam usaha kita untuk membangunkan masyarakat pekebun kecil melalui pemodenan sikap dan cara mereka bertindak, kaum wanita tidak boleh diketepikan lagi. Kita tidak dapat menafikan hakikat bahawa dalam menentukan kesejahteraan dan kemajuan keluarga, kaum wanita khususnya kaum ibu memainkan peranan yang sangat penting. Dari itu untuk membaiki lagi keadaan yang terdapat sekarang ini, wanita perlu diberi latihan dan bimbingan dalam hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan rumah tangga, juga latihan dari segi ekonomi.

Untuk mencapai tujuan ini, maka RISDA telah mengadakan projek Perkumpulan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) yang ditubuhkan pada awal tahun 1978.

4.2 PWPK Secara Am

PWPK telah ditubuhkan pada awal tahun 1978 di kampung-kampung di mana telah pun tertubuhnya Pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPKK).

PWPK ini terbuka kepada semua kaum wanita ahli keluarga pekebun kecil yang berumur tidak kurang daripada tigabelas tahun (13). Setiap wanita yang ingin menjadi ahli diperlukan untuk mengisi borang untuk menjadi ahli dan seseorang ahli itu akan kemudiannya diluluskan

oleh Jawatankuasa yang dilantik oleh ahli-ahli PWPK.

Tiap-tiap wanita yang telah diterima untuk menjadi ahli PWPK akan membayar yuran pendaftaran sebanyak (\$1.00) seringgit manakala yuran bulanan pula ialah sekurang-kurangnya dua puluh sen (20 ¢) atau dua ringgit dan empat puluh sen (\$2.40) setahun atau lebih. Selain daripada membayar yuran bulanan, kadangkala ahli-ahli dikehendaki membayar yuran atau belanja demonstrasi memasak, projek ekonomi dan lain-lain.

Perjumpaan diadakan sekurang-kurangnya seminggu sekali dan ahli perkumpulan akan berkumpul untuk mengikuti satu-satu pelajaran samada berupa demonstrasi masakan, jahitan, pertanian ataupun mendengar ceramah-ceramah dalam soal berkaitan dengan kesihatan, ugama dan berbagai aspek pentadbiran rumah tangga dan keluarga.

Pegawai RISDA juga ditempatkan untuk mengawasi, memimpin, menasihat dan kadangkala sebagai jurutunjuk demonstrasi. Selain daripada itu, RISDA juga menjemput pegawai-pegawai dari jabatan lain seperti KEMAS, pegawai kesihatan, pegawai ugama dan lain-lain dalam usaha mengadakan kelas-kelas dan ceramah-ceramah dalam bidang kesihatan dan ugama sebagai contoh.

Dalam kelas-kelas kemahiran RISDA menjemput atau mengajikan orang yang berpengalaman dan diberikan wang atau pendapatan yang sederhana sebagai wang saku. Begitu juga Ahli Jawatankuasa dibayar gaji serendah-rendahnya mengikut keadaan kewangan perkumpulan.

Setakat ini dikatakan bahawa terdapat 485 buah PWPK telahpun ditubuhkan di semua negeri dengan keahlian berjumlah 10,785 (lihat data 3).

PWPK mengadakan aktiviti ekonomi, kelas-kelas dan ceramah bersabit dengan urusan rumah tangga, kesihatan, pendidikan anak-anak dan ugama yang akan dijalankan oleh bahagian-bahagiannya sendiri Projek Niaga, Seksi Pendidikan dan Seksi Rekreasi dan Sosial.

4.3 Tujuan-tujuan PWPK

PWPK merupakan sebuah projek yang diadakan oleh RISDA dalam usaha memberi bimbingan dan tunjukajar pada kaum wanita pekebun kecil dalam soal menguruskan rumah tangga dan keluarga mereka supaya matlamat meninggikan taraf hidup masyarakat pekebun kecil terlaksana.

PWPK ini mempunyai tujuan-tujuan tertentu iaitu tujuan jangka-pendek dan tujuan jangkapanjang.

Tujuan jangkapanjang PWPK ialah untuk mengujudkan semangat kemasyarakatan di kalangan wanita pekebun kecil di samping mendapatkan latihan dan bimbingan yang boleh membawa ke arah meninggikan taraf hidup dan mutu keluarga yang mana seterusnya akan membawa kepada masyarakat pekebun kecil yang sihat dan progresif.

Manakala tujuan jangkapendek pula ialah:

Pertama, memberi peluang kepada kaum wanita pekebun kecil

mengambil bahagian yang cergas dalam kehidupan dan kemajuan masyarakat pekebun kecil.

Kedua, untuk memberi peluang kepada kaum wanita untuk bertukar-tukar fikiran dan pengetahuan dengan ahli-ahli mahupun dengan tenaga pengajar.

Ketiga, ia bertujuan untuk menggalakkan wanita pekebun kecil menceburkan diri dalam kegiatan-kegiatan ekonomi untuk menambahkan pendapatan juga melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi.

Keempat, PWPK diadakan untuk memberi latihan dan bimbingan mengenai aspek-aspek berikut:

- Kesihatan dan kebersihan
- Makan dan pemakanan
- Penjagaan dan pendidikan anak-anak
- Menyediakan makanan memasak
- Membuat dan menjaga pakaian
- Menguruskan ekonomi keluarga
- Tanaman dan ternakan
- Pekerjaan atau pertukangan tangan
- Latihan rohani dan keugamaan
- Lain-lain pengetahuan dan kemahiran yang boleh menolong tugas seorang wanita dan ibu

Kelima, PWPK bertujuan untuk memupuk semangat dan kemahiran kepimpinan di kalangan kaum wanita pekebun kecil melalui penubuhan jawatankuasa untuk mentadbirkan perjalanan PWPK.

Jelas di sini bahawa PWPK mempunyai tujuan-tujuan yang tersendiri dalam usaha meninggikan mutu kehidupan dan secara lagi tidak langsung dapat menambahkan pendapatan pekerja kecil.

4.4 Pentadbiran PWPK

Oleh kerana adanya berbagai-bagai seksi tadi maka PWPK mempunyai jawatankuasa sendiri yang dipilih di kalangan ahli mereka tanpa mengira siapa, untuk memastikan projek ini berjalan dengan licin. Syarat untuk menjadi ahli jawatankuasa adalah tidak berat cuma mereka yang terpilih oleh orang ramai ini telah mendapat kepercayaan kerana sikapnya, kehadirannya dan penglibatannya yang memuaskan.

Jawatankuasa ini terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Naib Pengerusi, seorang Setiausaha, seorang Bendahari dan tiga orang Ketua-ketua Bahagian. (Lihat Data 3). Pentadbiran jawatankuasa ini **adalah di peringkat komuniti.**

Tempoh bagi perkhidmatan jawatankuasa PWPK ialah selama setahun dan orang baru akan dipilih dalam Mesyuarat Agong Tahunan yang lain. Walaupun jawatankuasa ini berkuasa hanya setahun tetapi kadangkala dinasihatkan supaya memegang jawatan yang sama selama tiga tahun jika mereka ini dikehendaki oleh ahli-ahli. Akan tetapi satu-satu jawatan itu tidak boleh dipegang selama tiga tahun berturut-turut untuk memberi peluang pada ahli yang lain pula.

Di dalam bahagian-bahagian yang tertentu (seperti dalam

Data 1) iaitu ketiga-tiga bahagian ini, jawatankuasa kecil bagi tiap-tiap bahagian ini dibenarkan penubuhannya di bawah tiap-tiap ketua bahagian dan jumlah ahli jawatankuasa kecil tadi terpulanglah kepada jawatankuasa perkumpulan menentukannya.

Mengikut peraturan yang ditetapkan apabila seorang ahli jawatankuasa yang tidak datang menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa sebanyak tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah maka dengan sendirinya lucut dari menjadi ahli jawatankuasa dan tempatnya diganti oleh orang lain.

Jawatankuasa PWPK ini mempunyai tugas-tugas masing-masing bagi melicinkan perjalanan perkumpulan mereka.

Bagi seorang Pengurus tugasnya ialah untuk mempengerusikan semua Mesyuarat Jawatankuasa (J/K) Mesyuarat Agong, memimpin segala aktiviti-aktiviti perkumpulan dan ahli-ahlinya di perjumpaan-perjumpaan luar.

Naib Pengurus pula bertugas untuk membantu Pengurus dalam semua hal dan dalam masa ketiadaan Pengurus, maka Naib Pengurus akan menjalankan tugas-tugas Pengurus.

Setiausaha bertugas untuk menguruskan segala surat menyurat bagi pihak perkumpulan, menulis serta menyimpan segala minit-minit mesyuarat.

Manakala bagi Penolong Setiausaha ia bertugas untuk membantu

Setiausaha menguruskan segala tugas-tugasnya dan juga semasa ketiadaan Setiausaha dalam masa mesyuarat maka ia akan menjalankan tugas-tugas Setiausaha.

Tugas Bendahari agak berat kerana ia bertanggungjawab atas kewangan perkumpulan. Ia mengumpulkan segala yuran dan menyimpan buku kira-kira wang masuk dan keluar serta menyediakan penyata kira-kira bulanan, penyata kira-kira tahunan serta menyimpan resit-resit dan boucer-boucer di dalam fail.

Akhir sekali bagi tiga-tiga Ketua Bahagian, bertugas untuk memimpin ahli-ahli dalam aktiviti bahagian masing-masing mendapatkan lebih banyak ahli dari kawasan mereka, membantu jawatankuasa dalam menyibarkan waktu, tempat dan lain keterangan mengenai perjumpaan umum, mengutip yuran dan menyelidik serta mengkaji kemahiran dan minat ahli-ahli mengenai aktiviti-aktiviti yang sedang dan akan dijalankan untuk dijadikan asas merancang aktiviti perkumpulan. Ketua Bahagian ini dibahagikan kepada projek niaga, aktiviti pendidikan dan rekreasi dan kemasyarakatan. (Data 3)

4.5 Projek Niaga

Seksi ini ialah seksi ekonomi yang bertujuan untuk menggalakkan kaum wanita pekebun kecil menggunakan kemahiran yang ada bagi menjalankan usaha menambah pendapatan.

Aktiviti yang dijalankan di bahagikan kepada 4 bahagian iaitu:

DATA 2: LAPORAN KEMAJUAN PWPK BAGI TAHUN 1982

Negeri	Bilangan PWPK	Bilangan Ahli	Purata Ahli dlm. Tiap-tiap PWPK	Bilangan Projek Ekonomi	Purata Wang Taburan Bagi Tiap-tiap satu Projek Ekonomi (\$)	Wang Tabungan (\$)	Purata Wang Tabungan Bagi Tiap-tiap Bil. PWPK (\$)
Kedah	35	502	14	7	\$237.44	1662.10	47.48
Johor	67	1580	24	29	268.04	7773.20	116.0
Kelantan	87	1795	21	18	357.46	6434.38	73.95
Perak	70	1655	24	16	178.83	2861.30	40.87
Trengganu	47	1245	26	8	520.28	4162.30	88.55
Selangor	50	1171	23	34	195.44	6645.25	132.90
Melaka	30	740	25	19	189.57	3601.89	120.06
Pahang	54	1070	20	24	312.02	7488.50	138.67
N. Sembilan	45	1027	23	24	391.15	9387.79	208.61
Jumlah	485	10785	22	179	256.16	48,854.11	94.54

Sumber: Laporan Tahunan Bahagian Pembangunan Sosio-ekonomi 1982
 (RISDA 27.4.83)

100

EK.

P

ERNI

GAA

卷之三

卷之三

SI

END

Ergonomics

200

700

□

1K


Gutted hair

KS
DA

SOLOMON ISLANDS

Sumber: Risalah Keluaran PWPK Bahagian Kemajuan Oktober 1983

DATA 3: STURKTUR ORGANISASI PWPK



- A. Memproses makanan
- B. Jahitan dan kraftangan
- C. Tanaman kontan
- D. Lain-lain

Dalam memproses makanan ahli-ahli membuat bahan makanan seperti mee, mihun, tauhu, tempe, kicap dan taugeh. Tidak ketinggalan juga mereka membuat makanan ringan seperti kerepek pisang, cakar ayam, rempeyek, kacang dan lain-lain. Bahan-bahan makanan seperti jem, jeruk, acar, halwa, serikaya, lempuk juga dibuat oleh wanita PWPK ini. Mereka ini akan membuat bahan-bahan ini sekurang-kurangnya seminggu sekali tetapi jika permintaannya banyak maka mereka akan melakukannya sebanyak dua atau tiga kali seminggu misalnya membuat mee kering yang kini mendapat pasaran daripada pekedai-pekedai. PWPK Air Panas di Jasin, Melaka (lampiran gambar) kini telah mendapatkan pasaran yang agak memuaskan. Ahli-ahli yang membuat adalah secara sukarela di mana mereka akan mengumpul modal untuk memulakan projek ini melalui kutipan saham dari ahli-ahli yang bersetuju menyertai projek berkenaan. Nilai satu saham adalah ditentukan oleh ahli-ahli sendiri dan seorang ahli boleh memberikan seberapa yang ia mampu tetapi tidak mesti melebihi dua puluh peratus (20%) daripada nilai jumlah saham yang dikeluarkan.

Setelah wang dikutip maka wanita akan membuat makanan tersebut dan dijual. Selain daripada PWPK Air Panas Jasin, Kampung Jawa Kelang juga di Ulu Selangor juga membuat mee kuning dengan banyak untuk dijual, gado-gado, jagung dan lain-lain.

pasarkan. Selain daripada itu di Kampung Bukit Keledeng ahli-ahli PWPK membuat makanan ringan seperti kerepek pisang, cakar ayam, jeruk dan dijualkan di kedai PWPK.

Dalam bidang jahitan dan kraftangan wanita-wanita mengambil upah menjahit pakaian, sulaman menyulam, membuat bunga tiruan ribbon, bahan-bahan kering, anyaman daripada pandan, mengkuang, lidi, rotan dan buluh juga diajar. Tidak ketinggalan membuat sarong bantal, kipas, lapik capar daripada benang emas.

Semua kegiatan jahitan dan kraftangan ini telah diajar oleh guru-guru berkemahiran seperti guru KEMAS, atau orang perseorangan yang mahir dan mahu mengajar walaupun gajinya tidak seberapa. Wanita-wanita diberi latihan misalnya (lihat gambar 2) di PWPK Lubok Redam 2, Masjid Tanah Melaka, ahli-ahli PWPK diajar cara menjahit, memotong dan mereka ini menerima upah menjahit. Malahan ada di kalangan mereka yang telah membuka kedai jahit di Air Puteh Kemaman, Trengganu yang lengkap dengan alat-alat dan mesin (lihat gambar 3). Di Kampung Bukit Lada Temerloh, Pahang, ahli-ahli PWPK telah membuat anyaman dari mengkuang, buluh dan lain-lain dan menjualnya di pameran-pameran. Tetapi kini oleh kerana adanya perubahan yang dibuat oleh RISDA, barang-barang ini dijual melalui koperasi Pusat Pembangunan Pekebun Kecil (PPKK) dan di sini pasaran adalah menjaminkan.

Dalam tanaman kontan ahli-ahli wanita PWPK diajar menanam cara-cara yang baik tanaman kobis, terung, bendi, labu, kacang, keledek, pisang, jagong dan lain-lain.

Ini dapat mengurangkan perbelanjaan ahli dengan menanam sendiri lantas dapat menjual secara kecil-kecilan di pasar-pasar malam atau di kedai PWPK yang di bina. Benih-benih tanaman akan diberikan oleh pihak RISDA.

Dalam kegiatan lain pula mereka ini diajar cara menternak ayam, membuka kedai, membuat dan menyewa pelamin dan lain-lain kegiatan yang boleh menambahkan pendapatan. Dalam menternak ayam, ahli-ahli yang berminat akan mengumpul wang dan membeli ayam daripada pejabat yang bertanggungjawab dan membela di rumah. Pegawai-pegawai RISDA akan ke rumah wanita-wanita yang menjalankan kegiatan ini untuk memastikan kegiatan mereka adalah baik, dan memberi subsidi makanan ayam dan lain-lain. Apabila ayam itu telah besar maka ianya boleh dijual dan pendapatan itu adalah untuk mereka. Misalnya di PWPK Batu 9 Kampung Medan, Kuala Langat Selangor usaha menternak ayam dijalankan oleh ahli-ahli yang berminat.

Wanita-wanita pekebun kecil juga diajar dan digalakkan untuk berniaga dan ada di antara PWPK telah mampu untuk membuka kedai ataupun individu perseorangan. Di Kampung Mengkabung II, Kuala Kerai, telah diadakan projek kedai kopi PWPK (lihat gambar 4) yang bukan saja menjual kopi untuk mengejekkan ahli PWPK melainkan kebersihan rumah dan kesihatan, kopi malahan menjual makanan ringan yang dibuat oleh ahli-ahli lain.

Selain daripada kegiatan ekonomi yang disebutkan, ada juga kegiatan yang dilakukan oleh ahli PWPK yang mempunyai kemahiran sendiri seperti membuat pasu dan ini jelas dilakukan oleh PWPK Kampung Batu Hutan di Perak.

Jelas di sini bahawa semua aktiviti yang dijalankan oleh PWPK ialah untuk menambahkan pendapatan keluarga mereka dengan mengusahakan kedai sehingga pada membuat lain-lain kegiatan kecil yang boleh mendatangkan hasil.

4.6 Seksi Pendidikan

Seksi ini bertujuan untuk melengkapkan wanita pekebun kecil dengan pengetahuan-pengetahuan yang berkaitan dengan pengurusan rumah-tangga dan keluarga.

PWPK mengadakan aktiviti-aktiviti seperti mengadakan ceramah-ceramah yang membincangkan soal-soal kesihatan, bahaya dadah, simpanan, pelaburan, peranan dan tanggungjawab keluarga ahli-ahli keluarga yang lain. Penceramah ini dijemput oleh ahli-ahli jawatankuasa PWPK dan datang daripada berbagai-bagai agensi kerajaan, Jabatan Ugama serta badan-badan sukarela seperti Persatuan Pengguna, Pemadam dan lain-lain. Ceramah-ceramah ini akan diadakan di Dewan Balai Raya seminggu sekali.

Pendidikan kebersihan ini termasuklah seperti menggalakkan ahli-ahli membuat lubang sampah, membersih kawasan dan lain-lain dengan tujuan untuk menggalakkan ahli PWPK menjaga kebersihan rumah dan kesihatan.

Pendidikan ugama diajar dengan tujuan mengembangkan dan memberi panduan dari segi segala aspek keugamaan dan juga mengikut perkembangan semasa yang menerapkan unsur-unsur keugamaan pada ahli-ahli keluarga pekebun kecil. Aktiviti ini diadakan seminggu sekali oleh penceramah.

atau individu di kampung itu yang mahir dalam bidang ugama.

Selain daripada mendengar ceramah ahli-ahli PWPK menubuhkan kumpulan nasyid dan kumpulan membaca "yassin" seperti yang terdapat di Kampung Sagil Johor. Anak-anak pekebun kecil diberikan asas untuk membaca Quran dan Muqaddam dan guru-guru yang mengajar akan mendapat saguhati yang dibayar oleh ahli-ahli PWPK. Kumpulan-kumpulan nasyid, berjanzi, membaca yassin ini tidaklah timbul ke peringkat nasional cuma di peringkat komuniti saja dan aktiviti ini banyak di Jerantut, Pahang.

Selain daripada pendidikan yang disebutkan di atas, PWPK juga menganjurkan sessi tunjukajar mengenai sesuatu amalan samada yang berkaitan dengan urusan rumahtangga dan keluarga ataupun teknik-teknik perkebunan. Misalnya dalam teknik perkebunan, wanita PWPK diajar cara-cara menoreh dan mendapatkan susu getah yang banyak, menanam pokok anak getah, dan lain-lain hal yang bersangkutan dengan getah.

Akhir sekali dalam seksi pendidikan ini PWPK mengadakan lawatan-lawatan yang bertujuan untuk mendedahkan ahli kepada pengetahuan-pengetahuan baru demi memperluaskan pandangan dan kefahaman mereka mengenai persekitarannya. Dalam bidang ini selalunya lawatan ini diberikan kepada ahli-ahli jawatankuasa PWPK. Misalnya Pengerusi PWPK Kuala Langat Selangor melawat PWPK Perak di Kampung Batu Hutan untuk melihat aktiviti yang dijalankan oleh PWPK ini. Di Perak mereka membuat pasu maka apabila Pengerusi Kuala Langat pulang maka ia boleh memberi pendapat untuk menjalankan projek seumpama itu. Perbelanjaan lawatan ini selalunya dibiayai oleh pihak RISDA tetapi kini lawatan ini amat jarang dilakukan

memandangkan masa kemelesetan maka RISDA terpaksa mengurangkan perbelanjaannya.

4.7 Seksi Rekreasi dan Sosial

Seksi ini bertujuan untuk menggalakkan ahli-ahli supaya mengisi masa lapang dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah di samping memupuk semangat bekerjasama dan tolong menolong di kalangan ahli.

Aktiviti itu ialah seperti menganjurkan kelas-kelas mengenai perkara-perkara yang menjadi minat semasa ahli-ahli seperti membuat bunga dari kain stokin, membuat makrami, mengait dan lain-lain. Lazimnya perkara-perkara yang diminati adalah bermusim. Misalnya walaupun mereka ini membuat secara bermusim tetapi ada di antara ahli yang meneruskan. Kegiatan ini seperti di PWPK Kampung Sepang Salak Tinggi Selangor yang membuat bunga untuk dijual manakala di PWPK Gombak iaitu Kampung Setia Kuang menjual hasil-hasil kerja tangan.

PWPK juga menganjurkan kelas-kelas bimbingan untuk anak-anak yang menduduki mana-mana peperiksaan SRP, SPM dan STPM. Tenaga pengajar ini boleh didapati daripada kalangan ahli sendiri yang mempunyai kelayakan atau anak-anak pekebun kecil yang menunggu kerja atau keputusan ataupun kadangkala mendapat kerjasama guru di sekolah tempatan. Kadangkala tenaga pengajar ini diberi saguhati yang minima oleh PWPK dan kadangkala mereka tidak kerana mengajar dengan tujuan sukarela.

Akhir sekali PWPK mengadakan sessi tunjukajar yang bertujuan untuk menurunkan kepada generasi muda kemahiran-kemahiran tradisi dan asli seperti membuat masakan lemang, dodol, wajik, lempuk, acar, tapai

dan lain-lain lagi. Tidak ketinggalan juga PWPK mengajar memasak makanan yang moden seperti membuat kek, karipap seperti di PWPK Batu Pahat Johor yang mana gurunya adalah pegawai RISDA sendiri. Kadang-kala guru-guru dari KEMAS juga dipanggil malahan kadangkala ahli-ahli PWPK sendiri yang mahir atau mengetahui membuat masakan akan digalakkan untuk memberikan petunjuk pada orang.

Kesimpulannya inilah aktiviti yang dijalankan oleh PWPK sendiri dan ahli jawatankuasa PWPK yang bertanggungjawab terhadap keseluruhan perjalanan PWPK. Harapan RISDA dengan penubuhan PWPK ialah selain dari mengendalikan rumahtangga wanita juga perlu melibatkan diri di bidang yang luar dari rumahtangga, dengan kegiatan-kegiatan yang dapat menambahkan pendapatan keluarga pekebun kecil khasnya melalui penglibatan kaum wanitanya.

4.8 Keberkesanan


Keberkesanan PWPK adalah sukar ditentukan kerana tidak ada data-data yang mencukupi untuk menganalisisnya. Walau bagaimanapun ianya dapat disiapkan dengan data-data yang diperolehi. Keberkesanan PWPK ini boleh dilihat dari dua segi iaitu:

1. Keberkesanan dari segi ekonomi
2. Keberkesanan dari segi individu

4.8 a. Keberkesanan Dari Segi Ekonomi

Pertama, dari segi ekonomi PWPK dikatakan tidak berjaya dalam usahanya untuk menambahkan pendapatan bagi pekebun kecil. Jika dilihat dari purata wang tabung bagi tiap-tiap projek ekonomi maka rata-rata kita

DATA: 4 STRUKTUR PROGRAM KEMAJUAN KELUARGA
PEKEBUN KECIL GETAH



Sumber: Risalah RISDA Program Kemajuan Keluarga Pekebun Kecol,
Bahagian Perkembangan 19.8.83

lihat jumlahnya ialah \$256.16 (Data 2) bagi setahun. Ini adalah jumlah yang kecil jika dibandingkan dengan 179 projek ekonomi. Seperti yang kita sedia maklum tujuan PWPK ialah untuk menambahkan pendapatan, tetapi jika hasilnya adalah sedikit maka kegiatan-kegiatan ini adalah sia-sia sahaja memandangkan tenaga yang digunakan agak besar tetapi hasilnya adalah sedikit untuk dibahagikan hasil yang telah dijualkan.

Kedua, dari segi wang tabungan juga adalah kurang kerana didapati setiap PWPK hanya mampu menyimpan wang tabungan mereka mengikut purata bagi tiap-tiap PWPK dalam setahun adalah \$94.54 sahaja. Tidak dapat dinafikan ada di antara PWPK yang mempunyai purata wang tabungannya sebanyak \$208.67 misalnya di Pahang tetapi dengan jumlah ini sukar untuk dikatakan ia berjaya kerana jumlah ini masih dikira bersama dengan yuran bulanan serta lain-lain yuran. Maka di sini kita dapati wang tabungan mereka adalah sedikit sekali jika dibandingkan dengan bilangan PWPK.

Ketiga, PWPK kurang berjaya dalam menarik banyak ahli-ahlinya kerana didapati jumlah purata ahli dalam tiap-tiap PWPK ialah 22 orang. Jumlah ini dewasa ini telah semakin berkurangan kerana ahli-ahlinya yang tidak aktif. Ini adalah disebabkan oleh kesibukan rumah tangga manakala ramai di antara mereka yang tidak berminat langsung dalam menyertai PWPK ini. Misalnya di Kelantan purata ahli bagi tiap-tiap PWPK ialah 21 orang sahaja dan Kedah pula hanya 14 orang (Data 2).

Keempat, PWPK kurang keberkesanannya semenjak RISDA menghentikan wang asas yang diberi pada permulaan. PWPK sebanyak \$500/- maka bilangan PWPK telah menurun, kurang daripada 485 buah cuma yang tinggal adalah

PWPK yang benar-benar tekun dan ada inisiatif sendiri dan yang lain berkubur dan penubuhannya adalah seperti melepas batuk di tangga sahaja.

Walaupun PWPK kurang berjaya namun ada beberapa kegiatan ekonomi yang terus dilakukan oleh PWPK. Antaranya ialah, projek anyaman di Kampung Bukit Lada, Temerloh, Pahang. Mereka ini telah mendapat pasaran daripada badan-badan luar. Begitu juga projek mee kuning yang dijalankan oleh PWPK, Kampung Air Panas Jasin, Melaka dan Kampung Sagik di Johor. Kegiatan membuat bunga juga ada diteruskan oleh PWPK yang mendapat tempahan khas dari hotel-hotel seperti PWPK di Sepang, Selangor.

Keberkesanannya ini juga dapat dilihat dari segi susulan peserta setelah mendapat latihan. Antaranya ialah ada di antara peserta yang membuka kedai jahit misalnya di Air Puteh Kemaman, Trengganu. Kedai kopi juga telah dibuka di Kampung Mengkabung II, Kuala Krai, Kelantan oleh bekas ahli PWPK yang menjual juga makanan-makanan ringan. Tetapi mereka yang terus melibatkan diri setelah mendapat latihan ini hanya segelintir sahaja, oleh itu lebih merupakan kekecualian sahaja.

Kesimpulannya dari segi ekonomi, PWPK kurang berjaya dalam usahanya untuk menambahkan pendapatan keluarga pekerjaan kecil melalui penglibatan wanitanya dalam projek-projek ekonomi yang dijangkakan boleh berbuat demikian.

4.8 b. Keberkesanannya Dari Segi Individu

Dari segi individu boleh diandaikan bahawa mereka ini telah berjaya tetapi ini hanyalah andaian kerana tidak ada ukuran yang dapat dilihat memandangkan RISDA sendiri tidak membuat ukuran itu.

Di andaikan bahawa ahli-ahli PWPK melalui ceramah, demonstrasi, perbincangan, lawatan, pertandingan dikata telah mendapat pengetahuan dan kemahiran. Di antaranya ialah ahli PWPK ini kini lebih dedah tentang isu-isu semasa seperti penyalahan guna dadah, kepentingan menabong, dan pelaburan serta tanggungjawabnya di keluarga.

Pendidikan tentang kesihatan juga didapati melalui ceramah di mana mereka diajar cara kebersihan yang baik seperti membuat lubang sampah, membersihkan kawasan dan kesihatan keluarga melalui pemakanan yang seimbang.

Pendidikan ugama juga mereka perolehi untuk mengenali ugama Islam dengan lebih dekat dan menerapkan unsur-unsur ugama pada ahli keluarga mereka. Dalam aktiviti ugama ini, didapati PWPK telah dapat menukuhkan kumpulan nasyid secara kecil-kecilan dan kumpulan membaca "yassin" di Kampung Sagil Johor.

Pengetahuan dari segi cara-cara menoreh getah, menanam anak getah juga diperolehi dan ini mungkin dapat digunakan dalam menoreh semasa wanita-wanita ini menolong suaminya keluar untuk menoreh.

Di andaikan juga mereka ini memperolehi pengetahuan dari lawatan-lawatan yang diadakan dari kemahiran kraftangan yang diajar dan demonstrasi memasak.

Melalui bimbingan kelas-kelas yang dianjurkan oleh PWPK juga di andaikan bahawa anak-anak mereka ada yang berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi.

Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa melalui andaian-andaian yang dibuat, dari segi individu, PWPK telah berjaya menerapkan kemahiran pendidikan dan tunjukajar pada ahli-ahlinya. Namun demikian ini cumalah andaian dan tidak dapat dibuktikan kebenaranya kerana tidak ada ukuran-ukuran yang dapat digunakan bagi mengukur kejayaan segala kemahiran, pendidikan dan pengetahuan yang didapati oleh ahli-ahli PWPK.

4.9 Masalah PWPK

Jelas setelah melihat keberkesanan PWPK dikatakan gagal dari segi ekonomi dan di andaikan berjaya dari segi individu-individunya. Kegagalan ini adalah disebabkan beberapa masalah seperti:

Pertama sekali ialah kebanyakan PWPK tidak mempunyai kewangan yang banyak untuk membeli alat-alat, mesin-mesin membeli bahan mentah, mengadakan lawatan dan lain-lain. Ini bertambah buruk apabila bantuan sebanyak \$500/- sebagai wang asas tidak diberi oleh RISDA di sebabkan kemelesetan. Oleh itu alat-alat dan mesin-mesin yang moden tidak dapat diberi maka dengan itu hasil yang dikeluarkan adalah secara kecil-kecilan kerana menggunakan cara yang lama. Misalnya dalam membuat mee kuning, mesin yang banyak tidak dapat dibeli maka hasil akan dihadkan mengikut kemampuan mesin yang ada saja. Ahli-ahli PWPK juga tidak dapat membeli bahan mentah yang baik dan banyak oleh itu adalah dinasihatkan kepada ahli menggunakan bahan-bahan tempatan yang murah. Hal ini kadang-kala mengendalakan kerja kerana kegiatan terpaksa diberhentikan atau dihadkan jumlahnya seperti dalam kegiatan anyaman di Pahang.

Kebudayaan juga kurang dapat dikembangkan kerana tidak ada peruntukan untuk membeli alat-alat muzik. Tetapi kini PWPK telah mengadakan sistem saham dalam apa-apa kegiatan yang ingin dijalankan dengan melabur di dalam kegiatan itu dan dengan kutipan wang daripada ahli-ahli maka dengan wang ini boleh dibeli alat-alat yang murah serta bahan mentah.

Kedua, PWPK menghadapi masalah mendapatkan bahan mentah yang murah. Misalnya aktiviti tekad telah dihentikan memandangkan harga benang emas yang mahal. Begitu juga bagi mendapatkan bahan-bahan seperti benang-benang. Tetapi bagi aktiviti memproses makanan ahli PWPK dinasihatkan menggunakan bahan-bahan yang ada di tempat mereka seperti membuat jeruk asam, betik dan lain-lain.

Ketiga, PWPK menghadapi masalah pasaran bagi hasil-hasil yang dikeluarkan oleh mereka. Misalnya di Kampung Sagil Johor aktiviti memproses makanan sukar mendapat pasaran kerana tidak ada saloran yang tetap untuk menerima tempahan. Hal ini menyebabkan pengeluaran terpaksa dihadkan memandangkan pasaran yang kurang.

Keempat, PWPK menghadapi masalah persaingan daripada pekedai-pekedai yang telah terkenal dari segi pasaran, mutu makanan dan pembungkusan. Misalnya dari segi pembungkusan PWPK tidak mempunyai alatnya maka kadangkala makanan di dalam dimasuki serangga dan cepat musnah dan menjadikan mutunya tidak baik. Barang-barangan PWPK ini kurang mendapat "publisiti" menyebabkan orang ramai masih belum pasti dan yakin dengan keluaran hasil PWPK.

Kelima, PWPK mengalami kekurangan tenaga pengajaran samada dari segi kemahiran, ugama, akademik, kebudayaan dan lain-lain. Pegawai RISDA juga kadangkala yang menjadi tenaga pengajar tidak begitu mahir. Guru-guru yang ada kadangkala tidak mahu mengajar kerana gaji yang diberikan adalah sangat minima maka hanya beberapa orang pengajar sahaja yang sanggup menyumbang tenaga mereka. Jika tidak adanya tenaga pengajar dalam bidang-bidang yang tertentu maka ia pun terpaksa dihentikan sementara menunggu guru yang baru dan ini akan melambatkan pengeluaran barang-barang yang boleh dijual ataupun dibuat oleh ahli-ahli PWPK.

Keenam, PWPK menghadapi masalah ahli-ahli yang tidak aktif walaupun dari segi pendaftaran adalah ramai. Hal ini disebabkan wanita ini sibuk menolong suami, banyak anak, banyak kerja dan lain-lain yang menghalang mereka untuk menjadi aktif. Oleh itu didapati kebanyakan orang-orang yang sama sahaja yang melakukan satu-satu aktiviti yang dikelolakan oleh PWPK. Seperti contoh dalam membuat mee kuning di PWPK Kampung Air Panas Jasin, Melaka kesukaran untuk mendapatkan ahli-ahli yang sukarela membuat mee itu setiap hari jika banyak tempahan ataupun dua minggu sekali.

Ketujuh, masalah ahli-ahli PWPK yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang tua atau yang sudah berumahtangga. Ini akan menimbulkan masalah lain iaitu dari segi kepimpinan kerana diperlukan anak-anak yang lebih muda untuk lebih bergiat kerana penglibatan mereka tidak berat seperti orang yang telah berumahtangga. Tambahan penubuhan

kumpulan-kumpulan belia seperti Belia Dusun Tua menyebabkan kekurangan ahli-ahli muda di PWPK Kampung Ulu Langat Selangor. Anak-anak muda lebih gemar untuk menyertai belia kerana pertubuhan ini bagi mereka lebih menarik kerana perpeluang bergaul dengan orang ramai. Masalah kekurangan tenaga muda juga disebabkan oleh penghijrahan kaum belia dari desa ke kota dan cuma tinggal anggota kampung yang tua sahaja untuk menyertai perkumpulan ini. Ini menimbulkan masalah tidak dapat diturunkan bakat kepimpinan orang-orang tua pada golongan muda.

Kelapan, PWPK menghadapi masalah ahli-ahli yang tidak mahu mempraktikan kemahiran yang diberikan pada mereka dan ini amat membazir masa, wang dan tenaga. Misalnya dalam kemahiran membuat makrami, mengait yang tidak dipraktikan untuk kegunaan rumah. Tetapi ini disebabkan oleh tiada masa lapang, kekurangan wang untuk membeli bahan mentah yang menggunakan wang mereka.

Kesembilan, PWPK menghadapi masalah tiada kakitangan dan pegawai RISDA yang benar-benar terlatih dalam memberikan latihan dan kemahiran. Pegawai RISDA juga kurang cekap mengendalikan dan mengawasi PWPK kerana mereka tidak mencatatkan segala data-data yang penting serta tidak meletakkan ukuran yang dapat dilihat kejayaan PWPK untuk perkembangan yang selanjutnya. Ini menyebabkan PWPK berjalan hanya kerana RISDA menghendaki PWPK diadakan di mana adanya PPPK dan ahli-ahlinya melakukan kegiatan seperti melepas batuk di tangga sahaja.

Kesimpulannya RISDA kurang berjaya untuk mengeluarkan wanita pekebun kecil yang bekerja di luar rumahtangga melalui PWPK oleh kerana

masalah-masalah yang dihadapi dan antara yang penting sekali ialah tiadanya susulan daripada peserta untuk menggunakan kemahiran dalam bidang ekonomi yang telah diajar itu untuk berusaha bagi menambah pendapatan keluarga.





Gambar 1 - PWPK Air Panas Jasin Melaka

(Kegiatan Mee Kuning)



Gambar 2 - PWPK Lubuk Redam 2 Masjid Tanah Melaka

(Kelas Jahitan)



Gambar 3: PWPK Air Puteh Kemaman Trengganu
(Kedai Jahitan)



Gambar 4: PWPK Mengkabong II Kuala Krai, Kelantan
(Kedai Kopi)

BAB V

KARYADESA

5.1 Pendahuluan

KARYADESA merupakan sebuah lagi projek yang diadakan oleh RISDA dalam usaha memperbanyakkan lagi projek bagi wanita-wanita Desabakti terutamanya mula mengambil anak-anak pekebun kecil getah yang menambahkan pendapatan keluarga pekebun kecil. Projek-projek ini sangat dibanggakan kerana ia secara tak langsung membantu pengembangan dan pertumbuhan anak-anak pekebun kecil secara menyeluruh.

5.2 Sejarah KARYADESA

Karyadesa merupakan sebuah projek yang mula ditubuhkan pada 1hb. Mac 1981 di bawah bahagian latihan. Karyadesa mempunyai sejarahnya sendiri iaitu ianya merupakan cawangan Desabakti. Desabakti merupakan sebuah lagi projek RISDA dalam usaha untuk memperbaiki keadaan hidup pekebun kecil getah yang ditubuhkan pada tahun 1979.

Desabakti mempunyai tujuan untuk melahirkan usahawan-usahawan sebagai pelupur pembaharuan kepada masyarakat pekebun-pekebun kecil getah. Desabakti merupakan sebuah projek yang melatih anak-anak pekebun kecil samada lelaki atau wanita dalam perkara-perkara seperti:

- i. Perusahaan "cottage" seperti latihan menjahit dengan menggunakan "uniform" sekolah rendah dan menengah ditadbir bersama oleh pihak RISDA.
- ii. Latihan menanam benih getah dalam "polybeg"

iii. Latihan mencantum pokok-pokok

iv. Latihan penanaman tebu

v. Latihan merumput, membaja memotong dan merawat daun

vi. Latihan petak cambahan

RISDA tidak mengenakan syarat-syarat yang ketat untuk menjadi ahli Desabakti tetapi mahu mengambil anak-anak pekebun kecil getah yang tercicir dari persekolahan mereka dengan tujuan menjadikan mereka sebagai usahawan di desa dan secara tak langsung mahu mengurangkan penghijrahan dari desa ke kota. Umur peserta hendaklah sekurang-kurangnya 15 tahun ke atas.

Karyad. Desabakti mempunyai struktur pentadbirannya sendiri iaitu terdiri daripada satu pegawai kerja, lima penolong pegawai RISDA (PPR) dan satu jurutaip. Mereka inilah yang mengendali Desabakti agar ia berjalan dengan baik. Desabakti telah menubuhkan satu projek yang dikhaskan buat wanita pekebun kecil iaitu Karyadesa pada permulaannya Karyadesa dibiayai oleh Desabakti tetapi lama kelamaan oleh kerana kewangan tidak mencukupi maka Karyadesa telah diserah pada RISDA untuk mengendalikannya secara terus setelah diadakan mesyuarat pada 19hb. Februari 1981. Antara isi penting ialah:

Mengambil alih Karyadesa daripada Desabakti dan menjadikannya sebagai pusat latihan wanita pekebun kecil getah. Oleh itu Karyadesa dengan rasminya telah ditubuhkan pada 1hb. Mac 1981 yang ditadbir terus oleh pihak RISDA.

5.3 KARYADESA, misi dalam berbagai-bagai bidang kraf tangan agar melahirkan pelajar-pelajar sehir yang dapat mengeluarkan pengeluaran Sebagai sebuah lagi projek untuk wanita pekebum kecil, Karya-desa mempunyai dasar untuk memberi latihan pada pesertanya supaya berkemahiran di dalam bidang yang diambilnya dan berkemampuan melahirkan karya-karya kraftangan dan hasil tangan yang bermutu, terjamin.

Karyadesa mempunyai tiga buah pusat iaitu:

Ketiga, ia bertujuan untuk mengembangkan kerisindikatif secara

i. Kuala Sungai Baru Melaka

kukuh dan berjaya di kalangan wanita pelabur kaki atau secara tidak

ii. Kota Mengkuang Kedah dan

langsung memberi pengetahuan pada orang tuak,

iii. Kampung Parit Serom Semerah, Johor.

Sehir sekali, ianya ditubuhkan untuk menunjang serta menyumbang Karyadesa di Kuala Sungai Baru Melaka merupakan yang pertama ditubuhkan peruan kerajaan yang telah melaksanakan berbagai-bagai tiri untuk iaitu pada tahun 1980 iaitu semasa ianya di bawah Desabakti lagi. Di sini meningkatkan taraf pendapatan RISDA 1978. Dibentuk RISDA rela-

juga terdapat Sekolah Latihan RISDA iaitu di Air Pak Abas yang digunakan kesemua ini sebagai pihak yang progresif dan tahai melaksanakan hasil bagi peserta-peserta yang datang dari jauh tinggal di sini. Penekanannya tersebut bagi pelabur kaki setiap khasnya diodakan KARYADESA buat kaw pada bidang jahitan manakala di Kuala Sungai Baru pula menekankan kepada wanita pelabur kaki pada bidang jahitan dan tenunan.

5.3 Pusat Pendidikan KARYADESA

Kota Mengkuang telah ditubuhkan pada 15hb. Mac 1982 yang

menekankan dalam bidang anyaman mengkuang manakala di Kampung Parit

Serom Semerah Johor ditubuhkan pada 16hb. April 1982 yang menekankan

bidang anyaman sahaja, untuk menjalankan aktiviti-aktiviti projek

supaya maju selaku,

5.4 Tujuan KARYADESA

Karyadesa ditubuhkan atas tujuan-tujuan tertentu bagi mencapai

dasar yang ditentukan. Antara tujuan-tujuannya ialah: pagawai RISDA

Pertama, melatih dalam berbagai-bagai bidang kraftangan agar melahirkan pekerja-pekerja mahir yang dapat mengeluarkan ahliatc nisb tawang-tawang KARYADESA yang bermutu.

Kedua, latihan kemahiran diberi akan dapat memberi pendapatan tambahan kepada para pekebun kecil sebagai pendapatan sampingan yang terjamin.

Ketiga, ia bertujuan untuk memperkembangkan seni handikraf secara kuuh dan bersungguh di kalangan wanita pekebun kecil lalu secara tidak langsung memberi pengetahuan pada orang ramai, sebagai ketua bagi keseluruhan aktiviti buangkel.

Akhir sekali, ianya ditubuhkan untuk memenuhi serta menyambut seruan kerajaan yang telah melaungkan berbagai-bagai tiori untuk meninggikan taraf pendapatan bumiputera. Oleh itu RISDA telah mengambil kesempatan ini sebagai pihak yang progresif dan tabah melaksanakan hasrat tersebut bagi pekebun kecil getah khasnya diadakan KARYADESA buat kaum wanita pekebun kecil.

5.5 Pentadbiran KARYADESA

Hanya datang untuk menerima latihan konkrit sahaja.

Seperti PWPK, Karyadesa juga mempunyai pentadbiran tempatan bagi menjaminkan kelincinan dan kelancaran perjalanan projek tersebut. Pentadbiran ini penting untuk menjaminkan aktiviti-aktiviti projek supaya maju selalu.

Karyadesa ini ditadbirkan oleh RISDA secara langsung yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Di ibu pejabat, 2 orang pegawai RISDA

ditugaskan untuk menjaga segala aktiviti dan mengadakan berbagai rancangan bagi Karyadesa. Di sinilah segala urusan surat menyurat dihantar oleh cawangan-cawangan Karyadesa.

Di pusat-pusat Karyadesa tersebut ditempatkan seorang pegawai wanita RISDA yang bertugas sebagai penyelaras kepada perjalanan Karyadesa di bengkel-bengkel.

Guru-guru mahir samada orang tempatan atau orang luar akan membantu pegawai di RISDA ini dalam menyelaraskan perjalanan bengkel tersebut. Tugas guru-guru ini adalah semata-mata mengajar dan bukan sebagai ketua bagi keseluruhan aktiviti bengkel.

Bagi setiap bahagian misalnya bahagian anyaman dan lain-lain bahagian perlulah diadakan ketua masing-masing yang dapat berbincang dengan pihak pegawai RISDA sebagai penyelaras bengkel, untuk menyelesaikan apa-apa masalah dan mengawasi perjalanan dan aktiviti dengan baik.

Karyadesa tidak ditadbir oleh ahli-ahli di kalangan pekebun kecil kerana segala aktiviti adalah dirancangkan oleh RISDA dan peserta hanya datang untuk menerima latihan kemahiran sahaja.

Pegawai RISDA inilah yang memainkan peranannya dalam merancang perjalanan Karyadesa untuk dijadikan sebuah pusat latihan dan juga pusat pengeluaran di masa akan datang. Dalam merangkakan projek ini ianya memerlukan perhatian dan perbincangan yang luas sebelum ianya menjadi satu projek yang benar-benar berkesan dan memberi manfaat.

Perancangan oleh pegawai RISDA ini meliputi dua aspek iaitu:

Pertama, aspek pengeluaran seperti: di pada pokul 8.00 pagi

dengan menandakan suatu kedatangan yang perlu bagi sempurnakan

- bahan mentah

diselipin dipasang dan juga bahan sisaun adalah berdasar pada kedatangan

- kewangan atau akaun

ini dan berakhir pada pokul 4.30 petang, pada hari Isnin hingga Jumat

- latihan

tetapi pada hari Sabtu projek bermula dari pokul 8.00 pagi sehingga

- pengawasan

pokul 12.30 petang. Kedua-dua hari Ahad adalah cuti ini. Namun juga

- pemasaran dan lain-lain

bagi Karyadesa di Kota Sungai Kangar dan Karyadesa Nenasi Johor

Kedua, ialah dari aspek latihan seperti:

tetapi cara di Syarikat Kraftangan RISDAI jadi walaupun untuk Neglatan

- kurikulum

mereka datang sekali hingga hari Sabtu bermula dari pokul 8.00 pagi

- penilaian

- teori

Sabtu: bahan mentah

- praktikal

- kewangan dan lain-lain

Dalam melaksanakan perancangan tadi apa yang dipentingkan ialah penggunaan wang yang paling minima tetapi memberi hasil yang berkesan.

Oleh itu tugas pegawai-pegawai di pusat itu sendiri amat penting

untuk memastikan kelincinan perjalanan Karyadesa. Bahan mentah

adalah seperti besi, pencuci dan lain-lain lagi. Adalah sangat

5.6 a. Perjalanan Bengkel

digalakkan jika mana-mana pusat dapat mengagaskan bahan mentah tempatan

yang mana kemahiran diajar pada peserta dipanggil bengkel.

Perjalanan bengkel ini diawasi oleh dua orang penolong penyelaras

di bengkel tersebut serta seorang latihem RISDA, segala bayaran api, yang terdiri daripada guru-guru yang mahir yang akan mengajar peserta-sire dan sesuatu tinauh diuruskan oleh pihak RISDA. Juga bayaran sisaun bagi peserta. Peserta-peserta akan menjalankan pekerjaan mereka dengan sury-guru dan peserta-peserta dibayar oleh RISDA dan sekalunya pembayaran kemahiran yang mereka perolehi dan dengan itu dapatlah pengeluaran ini adalah diminumlah untuk mengurangkan perbelanjaan Karyadesa, dihasilkan.

Bahan-bahan mentah selainnya dibeli dalam kuantiti yang besar

Di Kuala Sungai Baru masa bekerja ialah pada pukul 8.00 pagi dengan menandatangani buku kedatangan yang perlu bagi memastikan disiplin dipatuhi dan juga kiraan eluan adalah berdasar pada kedatangan ini dan berakhir pada pukul 4.30 petang, pada hari Isnin hingga Jumaat tetapi pada hari Sabtu projek bermula dari pukul 8.00 pagi sehingga pukul 12.30 hari. Manakala pada hari Ahad adalah cuti am. Masa ini juga bagi Karyadesa di Kota Mengkuang Kedah dan Karyadesa Semerah Johor tetapi cuma di Syarikat Kraftangan KUSUBA jadual waktu untuk kegiatan mereka dari hari Isnin hingga hari Sabtu bermula dari pukul 8.00 pagi sehingga 5.00 petang.

5.6 b. Bahan Mentah

Bahan mentah disetorkan di sekolah latihan RISDA iaitu di Air Pak Abas di Melaka dan dihantar ke Kuala Sungai Baru jika diperlukan tetapi bagi Karyadesa yang lain bahan mentah itu akan dihantar terus ke sana. Bahan mentah ini akan digunakan apabila diperlukan bagi menjalankan projek-projek jahitan, tenunan dan lain-lain. Bahan mentah adalah seperti benang, pencelup dan lain-lain lagi. Adalah sangat digalakkan jika mana-mana pusat dapat menggunakan bahan mentah tempatan yang mana dapat mengurangkan kos.

Di bengkel tersebut serta rumah latihan RISDA, segala bayaran api, air dan sewa tanah diuruskan oleh pihak RISDA. Juga bayaran eluan bagi guru-guru dan peserta-peserta dibayar oleh RISDA dan selalunya pembayaran ini adalah diminimakan untuk mengurangkan perbelanjaan Karyadesa.

agar dapat harga yang murah. Pesanan barang-barang dan bahan mentah ini dibuat oleh pusat-pusat berkenaan dan dihantar kepada RISDA (Ibu Pejabat) secara bertulis yang mana surat-surat ini akan diteliti dan difaiklan untuk kegunaan mereka di Ibu Pejabat. Setelah mendapat pesanan pihak RISDA di Ibu Pejabat akan membuat pesanan di kedai dan syarikat yang RISDA selalu berurus lalu dihantar ke pusat-pusat itu dengan kenderaan RISDA.

Setelah hasil-hasil pengeluaran siap seperti barang-barang anyaman, keleraian dan baju yang dijahit maka ia akan dihantar ke luar untuk dipasarkan. Dengan ini mereka akan menggunakan kenderaan RISDA tetapi terlebih dahulu perlu meminta kebenaran pihak RISDA negeri untuk menggunakan kenderaan itu. Setelah diluluskan baharulah barang-barang dibawa untuk dipasarkan oleh pihak RISDA sendiri.

Belanjawan Karyadesa ditetapkan oleh RISDA tetapi RISDA selalunya tidak menetapkan dengan tegas belanjawan setiap tahun kerana bergantung pada perjalanan Karyadesa itu sendiri. Selalunya di Kuala Sungai Baru akan diperuntukan lebih banyak kerana di sini aktiviti dan perjalanan bengkel adalah memuaskan.

Hasil yang telah siap akan dipamerkan oleh RISDA seperti menjualkannya pada kakitangan RISDA sendiri ataupun mengambil kesempatan untuk menjualkannya di Expo-expo dan pameran-pameran. Seperti Expo Kedah 1983 pada 28hb. Januari 1983 sehingga 23hb. Februari 1983, di Pesta Pulau Pinang pada setiap bulan Disember, di Ibu Pejabat RISDA di tingkat bawah pada 15hb. September 1981, di pameran Karyanika di

Kuala Lumpur serta lain-lain pameran yang diadakan.

Setelah barang-barang yang dapat dijualkan di Expo-expo dan pameran-pameran maka wang yang diterima akan diambil oleh RISDA dan 10% daripada hasil jualan dipulangkan pada peserta yang lain dan ini secara tidak langsung menambahkan pendapatan mereka juga memberi kemahiran. RISDA bertanggungjawab untuk mengambil sebahagian besar wang jualan adalah kerana RISDA yang menyediakan bahan mentah, membayar api dan elektrik, membayar elauan peserta dan guru serta lain-lain yang dibayai oleh RISDA.

5.7 Aktiviti KARYADESA

Karyadesa menjalankan aktiviti seperti jahitan khusus di sekolah latihan Pak Abas, anyaman, tenunan, songket, keleraian dan lain-lain kemahiran. Di setiap pusat Karyadesa peserta-peserta akan dikhurusukan kepada bidang yang mereka minati. Walaupun Karyadesa diadakan di tiga buah pusat ini, yang kebanyakannya mengambil orang-orang tempatan di situ, namun ada di kalangan peserta yang datang dari jauh seperti dari Kelantan, Perak, Trengganu, Pahang dan lain-lain lagi. Bagi peserta yang tinggal jauh ini mereka akan tinggal di asrama di sekolah latihan RISDA, manakala peserta yang berhampiran tinggal di rumah masing-masing.

Setakat ini semenjak dari penubuhan Karyadesa peserta-pesertanya berjumlah 104 orang yang dilatih di bawah Karyadesa. (Lihat Jompirah) Ia ini nombor yang ditawarkan di Pajabat RISDA negara manapun manapun. Apabila dan kebanyakannya peserta adalah mereka yang datang di mana pusat-pusat

tersebut diadakan iaitu di Melaka, Kota Mengkuang dan Semerah.

Latihan diadakan mengikut kumpulan-kumpulan tertentu. Misalnya kursus pertama bagi anyaman iaitu kumpulan pertama diadakan pada Mei 1980 dan berakhir pada 31hb. Mei 1982 iaitu selama 2 tahun bagi anyaman setelah kumpulan ini tamat maka akan diadakan pula kursus anyaman kedua bagi kumpulan yang baru pula. Begitu juga bagi bidang kemahiran yang lain yang diadakan secara berkumpulan untuk menyenangkan tenaga pengajar mengajar peserta-peserta.

Pengambilan peserta oleh Karyadesa ini adalah terbuka pada anak dan isteri atau kaum wanita pekebun kecil getah dan mereka ini akan di berikan latihan sepenuhnya sehingga mereka dapat membuat pengeluaran yang bermutu.

Setelah mengisi borang permohonan yang

Pengambilan peserta-peserta tidaklah berdasarkan pada kelulusan akademik yang tinggi kerana adalah menjadi polisi Karyadesa untuk menolong anak desa pekebun kecil yang tidak maju di dalam pelajaran tetapi berminat di dalam seni yang boleh melatih mereka berdikari.

Sesiapa yang berminat terpaksa mengisi borang permohonan yang boleh didapati di Pejabat-pejabat RISDA negeri. Di dalam borang peserta dikenyatakan mengisi butir-butir peribadi dan kemahiran yang mereka ada.

Setelah mengisikan borang maka satu pemilihan akan dilakukan oleh penolong pegawai RISDA dengan menemuduga para pemohon yang berminat. Bagi peserta-peserta yang datang dari Kelantan, Pahang, Trengganu dan lain-lain maka mereka akan ditemuduga di Pejabat RISDA negeri masing-masing. Apabila

peserta yang telah berjaya ditemuduga maka mereka dikehendaki pula mengisi borang kemasukan dengan mengisi semula hal peribadi, kelulusan dan lain-lain lagi.

Peserta-peserta ini akan dibahagikan mengikut kemahiran yang mereka pilih. Oleh kerana jangkamasa kursus adalah agak panjang maka setengah-setengah peserta yang datang dari jauh akan ditempatkan di asrama. Di sini peserta disediakan dengan katil serta alat-alat kemudahan yang lain seperti talivisyen, peti sejuk dan lain-lain lagi. Jurulatih guru-guru juga tinggal di asrama mendapat elaun makan sebanyak \$7.50 sehari. Ada pegawai yang bertugas iaitu penolong penyelaras asrama yang mengawasi dan mengendalikan asrama ini. Pegawai ini akan tinggal bersama-sama dengan peserta dan bertanggungjawab dalam mengerja dan mengawasi kebajikan peserta. Ealaun bagi penolong penyelaras ini adalah sebanyak \$200/- sebulan. Dua orang jaga juga ditempatkan di sini untuk mengawal keselamatan peserta dan penghuni asrama ini dengan bayaran elaun sebanyak \$135/- sebulan. Peserta-peserta bagi tiap-tiap bidang adalah merupakan satu bilangan yang kecil dan diberi elaun sebanyak \$120/- setiap bulan. Pemberian elaun ini adalah berdasarkan pada kedatangan peserta di bengkel. Bagi peserta yang tidak hadir selama sebulan maka nama mereka akan dipotong atau dikira tidak berminat lagi untuk menyertai latihan yang diberikan, manakala sesiapa yang hendak menarik diri dari kumpulan, diwajibkan memberitahu pihak yang berkenaan secara bersurat dengan memberi alasan-alasan yang baik.

Pihak RISDA tidak menentukan bilangan yang tetap pada tiap-tiap kumpulan tetapi selalunya RISDA tidak akan mengambil peserta yang

terlalu banyak memandangkan tenaga pengajar yang amat kurang.

Bagi tiap-tiap bidang yang berbeza jangkamasa kursus adalah berbeza. Ada di antara kursus yang dijalankan hampir setahun, adapula 6 bulan dan juga sebulan mengikut jenis kursus yang mereka ceburi. Bagi setengah kursus diadakan kursus orientasi dahulunya misalnya bagi peserta jahitan mereka akan menerima dua minggu orientasi di sekolah latihan Air Pak Abas dan juga beberapa minggu latihan memotong dan menjahit oleh guru yang mahir bagi peserta jahitan.

Kebanyakan peserta yang datang berkursus di Karyadesa adalah tidak mahir tetapi setelah mengikuti kursus maka mereka telah dapat menghasilkan pengeluaran sendiri. Tetapi bagi peserta-peserta dari Trengganu mereka ini terdiri daripada peserta yang agak mahir kerana mendapat latihan di Trengganu secara turun temurun. Kadangkala kedatangan mereka ini bukannya sebagai peserta tetapi juga menjadi tenaga pengajar. Mereka ini mahir dalam bidang anyaman dan tenunan kerana Trengganu seperti yang kita sedia maklum merupakan pusat anyaman di Malaysia dan kemahiran itu akan diturunkan kepada mereka oleh orang-orang yang lebih mahir.

Guru-guru yang melatih peserta adalah juga memohon sendiri dengan menyatakan kelayakan serta kemahiran yang mereka perolehi. Guru-guru tempatan dari kawasan itu juga ada dan tidak kurang juga tenaga pengajar mahir yang datang dari jauh. Kelayakan bagi guru-guru adalah seperti pernah menyertai Institut Kemahiran MARA (IKM), MAYC anjuran belia atau KEMAS ataupun kemahiran yang diperolehi sendiri.

Tenaga pengajar ini ada yang tetap dan ada juga yang sementara.

Guru-guru tetap akan mengajar secara tetap di bengkel-bengkel manakala guru sementara adalah dalam percubaan selama enam bulan. Guru-guru ini akan diberikan elaun yang berbeza mengikut kemahiran dan bidang yang mereka ajar. Bagi guru-guru anyaman elaunnya adalah sebanyak \$350/- sebulan manakala elaun guru-guru bagi tenunan adalah sebanyak \$250/- sebulan.

Karyadesa juga mempunyai jadual mereka yang tersendiri. Bagi kursus yang berbeza maka sukanan pelajaran mereka adalah berbeza dengan yang lain. Sukanan kursus yang paling lama sekali ialah anyaman tikar yang berlangsung selama enam bulan. Misalnya sukanan pelajaran bagi anyaman adalah seperti berikut:

1. Minggu Pertama

- A. Mengenal pokok-pokok pandan dan mengkuang, jenis-jenis dan perbezaan antara pokok-pokok tersebut.
- B. Mengenal alat-alat dan perkakas-perkakas yang digunakan untuk memproses daun-daun pandan dan mengkuang.
- C. Cara-cara memproses daun-daun pandan atau mengkuang.

i. Cara memilih daun-daun dan memotong

ii. Membuang duri dan melayur

iii. Membelah dengan menggunakan pengaringka

iv. Melurut dengan menggunakan pelurut.

2. Minggu Kedua

A. Mempelajari dan mengenal jenis-jenis bahan

pencelup

B. Cara mencampurkan bahan-bahan tersebut untuk mendapatkan warna yang sesuai

C. Cara-cara mencelup daun-daun pandan atau mengkuang lengkap.

3. Minggu Ketiga

Kedangkan di minggu ketiga, pelatih-pelatih mula diajar cara-cara juga cara mengator dan menganyam tikar biasa (gadah)

A. Mempelajari peringkat permulaan serta cara-cara mahir di sana. Antara tempat yang dilawati ialah Pusat Latihan Lebih

B. Mempelajari susunan tepi

C. Mempelajari cara-cara untuk mengatur warna yang

pihak IRDA dan juga pengangkutan untuk macam-

4. Bulan Dua dan Tiga

A. Mengenali jenis-jenis kelera dan mempelajari cara-cara membuat karyadesa membuat lawatan. Ia juga menunjukkan lawatan dari sekolah-sekolah serta organisasi yang lain dengan

A. Mengenali jenis-jenis kelera dan mempelajari cara-

tujuan untuk memperkenalkan Karyadesa dengan lebih dekat lagi pada cara menganyam tikar kelera yang mengandungi 44 orang ramai. Lawatan ini juga dapat menunjukkan pada orang ramai akan jenis semuanya.

hasil semu yang dikeluarkan serta secara tak langsung dapat menambahkan

5. Bulan Keempat - Keenam

A. Membuat berbagai bentuk barang anyaman setelah

Kesimpulannya sebagi "output" Karyadesa adalah ditanggap oleh mengetahui jenis-jenis kelera secara berperingkat

IRD dan dengan itu IRDA sejaya upaya meminimakan perbelanjaan di sebabkan

B. Mempelajar dan membuat barang-barang dari contoh-

contoh rekaan yang dikeluarkan oleh bahagian-

yang berjaya dalam bahagian rekaan.

C. Cara membuat beg dengan menggunakan dasar kertas.

Setelah tamat latihan asal ini seorang peserta yang ingin memajukan dirinya bolehlah memohon untuk mengikuti kursus lanjutan ke peringkat kemahiran yang jangkamasanya ialah tiga hingga enam bulan. Dalam masa latihan kemahiran ini disediakan sukanan yang padat dan lengkap.

Kadangkala setelah penat menjalankan pekerjaan di bengkel mereka juga akan mengadakan lawatan sambil belajar. Misalnya peserta telah pergi ke Trengganu untuk melihat hasil kerja tangan orang-orang mahir di sana. Antara tempat yang dilawati ialah Pusat Latihan Lembaga Kraftangan di Kuala Trengganu dan juga kraftangan di Rusila untuk melihat cara membuat kipas, batik dan songket. Lawatan ini akan dibiayai oleh pihak IRSDA dan juga menyediakan perkhidmatan pengangkutan untuk mereka.

Selain daripada itu Karyadesa membuat lawatan, ia juga menerima lawatan dari sekolah-sekolah serta organisasi yang lain dengan tujuan untuk memperkenalkan Karyadesa dengan lebih dekat lagi pada orang ramai. Lawatan ini juga dapat menunjukkan pada orang ramai akan hasil seni yang dikeluarkan serta secara tak langsung dapat menambahkan pasaran Karyadesa.

Kesimpulannya segala "output" Karyadesa adalah ditanggung oleh RISDA dan dengan itu RISDA sedaya upaya meminimakan perbelanjaan disebabkan kemelesetan tetapi dengan harapan tidak matinya mana-mana pusat Karyadesa

yang bertujuan untuk memberi kemahiran pada wanita pekebun kecil supaya dapat mengeluarkan pengeluaran hasil daripada kemahiran yang ada lantas menambahkan pendapatan.

6.4.2 Prestasi Karyadesa Secara Kelebihan

Untuk melihat keberkesanannya Karyadesa maka prestasinya perlu diteliti. Secara keseluruhan prestasi Karyadesa adalah rendah kerana didapati bahawa perbelanjaan mengendalikan Karyadesa adalah besar dan melebihi daripada pendapatan Karyadesa. Jumlah perbelanjaan Karyadesa ialah \$275,422.61 (Data ⑤) manakala pendapatan ialah \$25,000.00³. Mengikut anggaran pagawai KESDA yang bertanggungjawab projek ini, bukti-buktii yang lebih tepat dan lengkap menerai perbelanjaan dan pendapatan khusus untuk projek Karyadesa ini tidak dapat diperolehi dari KESDA kerana rekod yang lengkap mengenai (tidak ada) dan ini bermakna KESDA tidak mendapat keuntungan daripada projek ini kerana KESDA memanggung kerugian sebanyak \$250,422.61. Ini merupakan satu jumlah yang besar, lantas dengan ini KESDA tidak dapat meneruskan projek ini. Dengan ini Karyadesa di Perit Seron Johor dibentikkan pada 19hb. Mac 1983, manakala Karyadesa Kampung Kota Nengkuang, Kubang Pasu Kadah pada 13hb. Ogos 1982. Walaupun begitu, didapati Karyadesa di Kuala Sungai Baru di teruskan wemandangkan sambutannya tidak sedingin di Karyadesa lain. Projek

³Didapati pendapatan adalah lebih rendah dari anggaran iaitu isitirmissinya di Kuala Sungai Baru yang merupakan pusat Karyadesa yang paling berjaya pendapatannya ialah \$14,611.66 bagi tempoh 1hb. Mac 1981 – 16hb. April 1983.

Karyadesa di Kuala Sungai Baru ini juga terpaksa dihentikan disebabkan

kesalehan pada masa sekarang lantas KISDA tidak dapat membayarnya

tetapi meneruskan perniagaan prestasi yang dulu dan tanpa amula.

6.1a Prestasi Karyadesa Secara Keseluruhan

6.1a.1 Karyadesa

Untuk melihat keberkesanan Karyadesa maka prestasinya perlu diteliti. Secara keseluruhannya prestasi Karyadesa adalah rendah kerana didapati bahawa perbelanjaan mengendalikan Karyadesa adalah besar dan melebihi daripada pendapatan Karyadesa. Jumlah perbelanjaan Karyadesa ialah \$275,422,61 (Data 6) manakala pendapatnya ialah \$25,000.00³ (Mengikut anggaran pegawai RISDA yang bertugas dalam projek ini. Bukti-bukti yang lebih tepat dan lengkap mengenai perbelanjaan dan pendapatan khusus untuk projek Karyadesa ini tidak dapat diperolehi dari RISDA kerana rekod yang lengkap mengenainya tidak ada) dan ini bermakna RISDA tidak mendapat keuntungan daripada projek ini kerana RISDA menanggung kerugian sebanyak \$250,422.61. Ini merupakan satu jumlah yang besar, lantas dengan ini RISDA tidak dapat meneruskan projek ini. Dengan ini Karyadesa di Parit Serom Semerah Johor dihentikan pada 15hb. Mac 1983, manakala Karyadesa Kampung Kota Mengkuang, Kubang Pasu Kedah pada 15hb. Ogos 1982. Walaupun begitu, didapati Karyadesa di Kuala Sungai Baru di teruskan memandangkan sambutannya tidak sedingin di Karyadesa lain. Projek

³ Didapati pendapatan adalah lebih rendah dari anggaran ini iaitu misalnya di Kuala Sungai Baru yang merupakan pusat Karyadesa yang paling berjaya pendapatannya ialah \$14,611.66 bagi tempoh 1hb. Mac 1981 - 16hb. April 1983.

Karyadesa di Kuala Sungai Baru ini juga terpaksa dihentikan disebabkan kemelesetan pada masa sekarang lantas RISDA tidak dapat membiayainya tetapi memberikan penumpuan kepada bidang penanam getah dan tanam semula.

6.1b Prestasi Karyadesa Kampung Parit Serom Semerah Johor

Karyadesa di sini telah ditubuhkan pada 16hb. April 1982 dan didapati tidak lagi wujud di sebabkan oleh kekurangan kewangan, hanya dapat berjalan sehingga 15hb. Mac 1983. Didapati dalam masa lebih kurang setahun ia telah membelanjakan wang sebanyak \$17,124.00 (Data 6) tetapi tidak dapat mengeluarkan hasil yang banyak dan tidak dapat wujud sebagai pusat pengeluaran sebagaimana yang dijangkakan oleh RISDA.

Tidak terdapat data lengkap mengenai pendapatan dari Pusat ini.

6.1c Prestasi Karyadesa Kampung Kota Mengkuang, Kedah

Karyadesa di sini telah ditubuhkan pada 15hb. Mac 1982 dan kini didapati bahawa lainnya tidak lagi berfungsi sebagaimana telah diprogramkan. Karyadesa ini telah membelanjakan sebanyak \$10,217.70 (Data 4) iaitu kurang daripada Karyadesa di Johor dan didapati prestasinya adalah baik sedikit daripada prestasi di Semerah Johor kerana walaupun Karyadesa ini telah tidak berfungsi lagi dan terhenti pada 15hb. Mac 1983 tetapi ada terdapat sebuah Karyadesa di Tikam Baru, Kedah yang masih menjalankan usaha-usaha kraftangan. (Mengikut pegawai RISDA). Walaupun ini masih ada tapi data-data Karyadesa ini gagal disebabkan oleh faktor-faktor seperti:

Pertama, kekurangan peserta yang aktif kerana kebanyakan

prestasinya adalah terdiri daripada wanita yang telah tua maka dengan itu mereka tidak berminat untuk berlajar dengan bersungguh-sungguh.

Kedua, timbulnya masalah ekologi di mana cuacanya sangat panas dan kurang hujan maka dengan itu mengkuang akan cepat menjadi kering dan keras lantas tidak tinggi mutunya jika diusahakan menjadi hasil-hasil kraftangan.

(Catatan Simpanan Fakultas Rancangan 1983/84). Ini menjukkan jauh pendapat-

Karyadesa Ketiga, di sini terdapat masalah kekurangan mengkuang.

ialah sebanyak \$190,689.24 (Datu 5) dan ini menyatakan perbelanjaan adalah

Keempat, kawasan kampung ini terletak jauh daripada pasaran,

oleh itu segala hasil yang dibuat sukar untuk dipasarkan menyebabkan mereka terpaksa memberhentikan pengeluaran agar tidak berlebihan.

Dengan itu pengeluaran akan hanya dibuat jika ada pasaran untuk menggalakkan pembaziran dan penurunan kualiti dan warna jika disimpan terlalu lama.

Kelima, di kawasan ini tidak mempunyai kemudahan letrik. Oleh itu mereka terpaksa menggunakan tenaga sendiri, kerana tidak dapat menggunakan mesin yang menggunakan letrik. Tanpa penggunaan letrik menyebabkan kerja-kerja menjadi perlahan dan tidak cekap.

Akhir sekali, ramai di antara peserta yang bersikap negatif di mana mereka tidak aktif serta tidak menggunakan kemahiran yang ada untuk membuat pengeluaran secara bersendirian ataupun berkongsi.

Kepada mengingat hal ini mengalihalkan timbulnya waroe yang tidak dikenali.

6.1d Prestasi Karyadesa di Kuala Sungai Baru, Melaka

Karyadesa di sini merupakan sebuah Karyadesa yang pertama ditubuhkan dan didapati bahawa ia adalah lebih berjaya daripada kedua-

dua Karyadesa yang telah disebutkan Karyadesa ini ditubuhkan pada tahun 1980 dan kini masih lagi dijalankan beberapa projek yang dapat menambahkan pendapatannya.

Aktiviti yang dijalankan ialah anyaman mengkuang dan songket yang merupakan dalam peringkat permulaan. Kursus anyaman telah dapat menghasilkan pendapatan sebanyak \$7,195.00 dan songket sebanyak \$7416.66 (Latihan Ilmiah Faridah Hanum: 1983/84). Ini menjadikan jumlah pendapatan Karyadesa di Kuala Sungai Baru sebanyak \$14,611.66 manakala perbelanjaannya ialah sebanyak \$190,889.26 (Data 5) dan ini menunjukkan perbelanjaan adalah lebih daripada pendapatannya.

Di sini ahli-ahlinya telah dapat menuju ke sebuah Syarikat Kraftangan iaitu KESUBA yang menjalankan aktiviti anyaman, mengkuang dan tikar yang dikendalikan oleh 17 orang ahli Karyadesa.

Walaupun ia dapat berjalan tetapi kini perjalanan Karyadesa ini agak merosot disebabkan oleh faktur-faktur seperti:

Pertama, masalah ekologi yang panas dan kering boleh merosakkan bahan mentah lantas menjadikan hasil yang kurang bermutu.

Sumber: Faridah Hanum, Latihan Ilmiah 1983/84

Kedua, masalah kekurangan pengetahuan dalam pencampuran warna.

Misalnya ada di antara ahli-ahli yang menggunakan sukatan yang salah kepada mengkuang lalu mengakibatkan timbulnya warna yang tidak dikehendaki. Ini boleh menimbulkan pembaziran kerana terpaksa mencampur warna sekali lagi.

DATA 5: JUMLAH PERBELANJAAN PROJEK KARYADESA
DI KUALA SUNGAI BARU, MELAKA DALAM TEMPOH
1HB. MAC 1981 HINGGA 16HB. APRIL 1983

(perkiraan anggaran)

Jenis Perbelanjaan	Latihan (\$)
1. Elaun bagi peserta dan jurulatih yang mengikuti latihan anyaman mengkuang	74,040.73
2. Elaun bagi peserta dan jurulatih latihan tenunan songket	43,445.78
3. Elaun tempat tinggal dan makanan bagi peserta latihan anyaman mengkuang	36,681.00
4. Elaun tempat tinggal dan makanan bagi peserta latihan tenunan songket	17,922.75
5. Harga bahan untuk anyaman mengkuang	9,112.00
6. Harga barang untuk tenunan songket	9,687.00
Jumlah besar	190,889.00

Sumber: Faridah Hanum, Latihan Ilmiah 1983/84

Tidak dan didapati kurang keberkesanannya maka latihan tidak dapat diteruskan secara amnya didapati faktor-faktor dan masalah yang dihadapi ialah

Pertama, dari segi peruntukan RISDA tidak dapat lagi mengekalkan peruntukan kewangan kepada Karyadesa mengundangkan perbelanjaannya yang melebihi pendapatan dan ini merugikan pihak RISDA. Tambahan pula sekiranya ini RISDA telah membantuan perhatian yang lebih kepada aktiviti

Ketiga, masalah tidak ada susulan di pihak tertentu bagi mempastikan peserta meneruskan usaha serta tiada susulan daripada peserta sendiri.

6.1e Prestasi Karyadesa di Institut Latihan RISDA Air Pak Abas

Pusat ini digunakan khas dalam bidang jahitan dan peserta di sini tinggal di asrama. Buat masa sekarang, Institut ini tidak lagi menerima kursus jahitan lagi kerana kekurangan kewangan oleh pihak RISDA dan kini Institut ini hanya digunakan oleh pegawai RISDA dan pekerja kecil jika ada forum-forum atau kursus buat mereka.

Kesimpulannya di sini dapat dilihat bahawa keseluruhannya Karyadesa tidak dapat diteruskan kerana kekurangan kewangan RISDA oleh kerana kemelesetan dewasa ini. Walaupun begitu ada Karyadesa yang masih berjalan misalnya di Kuala Sungai Baru tetapi kini ianya di bawah pentadbiran negeri dan bukan lagi di bawah pengawasan Ibu Pejabat RISDA di Jalan Ampang.

6.2 Masalah Karyadesa

Oleh kerana prestasi Karyadesa di keempat-empat pusat adalah rendah dan didapati kurang keberkesanannya maka ianya tidak dapat diteruskan. Secara amnya didapati faktor-faktor dan masalah yang dihadapi ialah:

Pertama, dari segi peruntukan RISDA tidak dapat lagi mengadakan peruntukan kewangan kepada Karyadesa memandangkan perbelanjaannya yang melebihi pendapatan dan ini merugikan pihak RISDA. Tambahan pula dewasa ini RISDA telah memberikan perhatian yang lebih kepada aktiviti

penanaman getah yang membawa faedah kerana didapati lebih kurang 33.4% daripada jumlah ekspot barang dalam tahun 1970 dan pada tahun 1971 - 1980 ekspot getah telah meningkat sebanyak 1.9% setahun (RME: 20).

Kekurangan peruntukan ini juga tidak dapat memberikan gaji yang besar kepada jurulatih lantas menyebabkan jurulatih-jurulatih yang ada tidak berminat kerana diberi gaji sebanyak \$350.00 sahaja setiap bulan.

Kedua, masalah dari segi pasaran. Barang Karyadesa yang siap mengalami masalah pemasaran kerana tidak adanya pelanggan yang tetap setiap bulan untuk melanggan barang-barangan siap Karyadesa. Hal ini menyebabkan barang tidak dapat dihasilkan kerana banyak barang yang terbengkalai di setor belum lagi mendapat pasaran.

Kekurangan pasaran ini disebabkan oleh kurangnya publisiti terhadap barang Karyadesa, lantas menyebabkan orang ramai kurang yakin terhadap mutu barang Karyadesa.

Kekurangan pasaran ini juga disebabkan oleh persaingan yang hebat dengan lain-lain agensi yang mengeluarkan hasil kraftangan. Antaranya ialah seperti Karyaneka, KEMAS dan orang perseorangan. Hal ini menyebabkan Karyadesa terpaksa menjual dengan harga kos yang tidak dapat memberi keuntungan pada mereka.

Ketiga, Karyadesa mengalami masalah tiadanya peserta yang bersungguh-sungguh untuk menjalani latihan yang diberikan. Ini adalah disebabkan mereka menyertai Karyadesa adalah untuk memenuhi masa lapang

sementara menanti pekerjaan atau peluang-peluang lain yang lebih tetap. Oleh itu ada di antara mereka yang berhenti di pertengahan latihan kerana bekerja ataupun berkahwin. Peserta-peserta Karyadesa di setengah-setengah pusat kebanyakannya terdiri daripada orang-orang tua dan orang-orang yang sudah berumahtangga lantas mereka ini tidak gigih untuk mempelajarinya kerana umur yang tua dan terlalu sibuk dengan urusan rumah tangga. Oleh itu kebanyakan peserta yang menerima kemahiran tidak mempraktik kemahiran itu bagi memenuhi cita-cita RISDA dalam usahanya menambahkan pendapatan keluarga pekebum kecil getah.

Keempat, masalah kekurangan bekalan. Karyadesa kini sukar mendapat bekalan seperti mengkuang, bahan pencelup, benang, tali dan lain-lain lagi. Misalnya jika cuaca panas maka mengkuang tidak dapat tumbuh dengan subur dan ini boleh menjadikan pengeluaran Karyadesa. Bekalan letrik juga tidak ada di kawasan-kawasan pendalaman atau kampung-kampung maka dengan itu mesin letrik yang boleh melancarkan pekerjaan pembuatan barang tidak ada menyebabkan hasil pengeluaran adalah lambat dan tidak dapat bersaing dengan pengeluaran hasil kraftangan yang menggunakan mesin letrik yang moden.

Kelima, masalah pentadbiran Karyadesa di peringkat pusat dan komuniti di mana pegawai-pegawai RISDA yang bertugas tidak berapa tegas menjalankan pekerjaan mereka sebagai penyelaras. Didapati banyak dokumen-dokumen yang penting tidak dicatat misalnya mereka tidak mencatatkan pendapatan Karyadesa terhadap penjualan barangannya dan angka yang diberi adalah anggaran sahaja yang mana tidak menunjukkan

keadaan yang sebenarnya.

Kesimpulannya daripada prestasi yang ditunjukkan oleh Karyadesa maka boleh dikatakan RISDA gagal dalam usahanya untuk mencapai objektif-objektif Karyadesa khasnya untuk menambahkan pendapatan keluarga pekerja kecil getah. Kegagalan ini telah menyebabkan Karyadesa telah dibubarkan memandangkan kerugian yang besar dialami oleh RISDA tetapi faedahnya terhadap individu adalah kurang. Dengan ini boleh dikatakan bahawa projek seperti Karyadesa dan PWPK yang mementingkan kraftangan adalah tidak sesuai bagi wanita dalam tujuan sebagai menambahkan pendapatan mereka. Ini boleh dilihat kerana tenaga dan modal yang dikeluarkan adalah lebih besar daripada pulangan atau hasil. Misalnya jualan yang boleh didapati untuk menghasilkan sepasang kain songket bercorak bunga tidak penuh adalah \$120.00 dan boleh disiapkan dalam masa 3 minggu. Jika dianalisa dengan lebih halus maka kita dapat lihat buktinya bahawa projek ini adalah tidak sesuai sebagai projek ekonomi untuk menambahkan pendapatan mereka. Dalam membuat sepasang pakaian songket perempuan berbunga tidak penuh memakan masa 3 minggu dan hanya dapat dijual dengan harga \$120.00. Dalam membuat ini maka benang emas yang digunakan ialah diandaikan sebanyak 2 bungkal dan harga sebungkal benang emas ialah \$9.10 maka bermakna kos benang emas bagi menyiapkan pakaian ialah \$18.20. Jika ditolak untuk melihat hasil bersih hanya tinggal \$102.20 (\$120.00 - \$18.20). Dalam seminggu didapati peserta hanya mendapat hasil sebanyak \$34.00 seminggu ($\10.20×3) dan dalam sehari seorang peserta hanya mendapat lebih kurang \$5.60 sahaja. Dengan hasil sebanyak \$5.60 ini adalah pendapatan yang sangat kecil kerana ini belum dikira tenaga yang

digunakan. Jika dibandingkan dengan pendapatan seorang pekerja kilang, ia mungkin mendapat gaji sebanyak \$10.00 ke atas dalam sehari dan dalam 3 minggu sebanyak \$180.00 malahan ada yang mendapat \$200.00 jika bekerja "over-time". Maka ini jelas pada kita bahawa projek-projek kraftangan sebagai projek ekonomi adalah tidak sesuai bagi wanita-wanita untuk menambahkan pendapatan mereka kerana hasil yang diperolehi adalah jauh lebih rendah daripada hasil seorang pekerja kilang umpamanya jika dibuat bandingan. Oleh kerana ini maka gagallah Karyadesa dan PWPK yang mementingkan projek kraftangan sebagai projek "income generating" bagi wanita kerana ia tidak sesuai sebagai sebuah projek ekonomi tetapi dalam pada itu pun projek ini adalah perlu dalam usaha memperkayakan seni dan budaya bangsa.

6. Alat-alat	"	724.00
7. Sewa bilik Juruklatih 2 bulan	"	60.00
7. Kloun percuti bulan angaman	Eg. Kota Mengkuang Kubang Pasu, Kadazan (13.3.82-15.3.82)	6,164.00
8. Kloun Juruklatih (2 orang)	"	2,800.00
9. Alat-alat	"	1,103.70
10. Sewa bilik Juruklatih (5 bulan)	"	150.00
11. Sewa bahan	Eg. Kuala Sg. Baru	3,600.00
	Jumlah	275,422.61

**DATA 6: JUMLAH PERBELANJAAN PROJEK KARYADESA
SEJAK DARI PENUBUHAN SEHINGGA AKHIR MENGIKUT
TARIKH YANG DIBERIKAN (PERBELANJAAN INI TIDAK
TERMASUK PERBELANJAAN BAHAN MENTAH LAGI)**

Jenis Perbelanjaan	Tempat	Jumlah
1. Elaun kursus anyaman Tenunan dan jahitan	Kg. Kuala Sg. Baru + ILR Air Pak Abas	\$ 188,259.00
2. Elaun Jurulatih anyaman, tenunan dan jahitan	Kg. Kuala Sg. Baru + ILR Air Pak Abas	56,221.51
3. Elaun Peserta Kursus Anyaman	Kg. Parit Serom Semerah Johor (16.4.82-30.12.82)	8,640.00
4. Elaun 2 orang Jurulatih	Kg. Parit Serom Semerah Johor (16.4.82-15.3.83)	7,700.00
5. Alat-alat	"	724.00
6. Sewa Bilik Jurulatih 2 bulan	"	60.00
7. Elaun peserta kursus anyaman	Kg. Kota Mengkuang Kubang Pasu, Kedah (15.3.82-15.8.82)	6,164.00
8. Elaun Jurulatih (2 orang)	"	2,800.00
9. Alat-alat	"	1,103.70
10. Sewa Bilik Jurulatih (5 bulan)	"	150.00
11. Sewa Rumah	Kg. Kuala Sg. Baru	3,600.00
Jumlah		275,422.61

Sumber: Diberikan oleh Pegawai RISDA daripada fail Karyadesa.

2. KESIMPULAN

BAB VII

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya latihan ilmiah ini adalah bertujuan untuk melihat peranan wanita di dalam pembangunan.

Pembangunan merupakan alat yang penting untuk meninggikan mutu hidup negara dan perlu dibangunkan dari segi ekonomi, politik

sosial, pengetahuan dan lain-lain lagi. Pembangunan di Malaysia juga menampakkan ciri-ciri ini iaitu untuk meninggikan mutu hidup rakyatnya.

Yang jelas di Malaysia dewasa ini berbagai masalah khasnya masalah

ekonomi dan sosial timbul menyebabkan perlunya dirancang dan rancangan ini adalah apa dikatakan pembangunan.

Belum berubah khasnya wanita-pelajar kecil getah lantas dengan projek

Oleh kerana timbulnya masalah-masalah ini maka Kerajaan Malaysia telah berusaha untuk mengatur dan membangunkan negaranya juga melalui pendekatan-pendekatan yang disarankan oleh "Development

Pundits" atau tokoh-tokoh pembangunan. Antara pendekatan yang di

gunakan di Malaysia ialah difusi, pendekatan perlakuan, pendekatan psikodinamik, dan sedikit pendekatan "structuralist".

Untuk menambahkan pendapatan wanita pelajar kecil

Agensi-agensi kerajaan memainkan peranan penting dalam

pembangunan dan menerapkan unsur-unsur yang moden ke sektor yang

mundur bagi memenuhi dua matlamat asas dalam Rancangan-rancangan

Malaysia dan Dasar Ekonomi Baru iaitu:

dua-dua projek dan juga sebenarnya

dua-dua dapat mengeluarkan wanita ini daripada sektor "private"

1. Membasmi kemiskinan
2. Menyusun semula masyarakat dan menghapuskan pengenalan kaum dari segi fungsi ekonomi

Secara tidak langsung, RISDA sebagai sebuah agensi kerajaan yang diamanahkan untuk matlamat tadi, telah khas mengadakan berbagai-bagai projek bagi pekebun kecil getah. Tidak ketinggalan RISDA telah cuba memajukan kaum wanita pekebun kecil melalui PWPK dan KARYADESA kenara pembangunan yang dilaangkan oleh kerajaan juga meliputi pembangunan di mana kerajaan mahukan wanita melibatkan diri dalam kegiatan di luar lingkungan rumah tangga.

Penglibatan wanita di bandar disebabkan pembangunan telah jelas kelihatan tetapi cuma bagi wanita luar bandar sahaja yang masih belum berubah khasnya wanita pekebun kecil getah lantas dengan projek yang diusahakan oleh RISDA iaitu PWPK dan KARYADESA maka harapan RISDA selain dari melakukan peranan tradisi mereka di dalam rumah tangga juga telah membawa wanita keluar ke sektor "public".

Tetapi apa yang jelas di sini ialah kedua-dua projek ini gagal dalam usahanya iaitu:

1. Untuk menambahkan pendapatan wanita pekebun kecil sebagai projek "income generating" adalah sebaliknya menyebabkan getah dan keluarganya, sebagai projek ekonomi.

2. Untuk mengeluarkan wanita pekebun kecil getah daripada sektor "private" ke sektor "public".

Hal ini disebabkan masalah-masalah kedua-dua projek dan juga sebenarnya RISDA tidak dapat mengeluarkan wanita ini daripada sektor "private"

kerana segala kegiatan yang dilakukan dalam projek itu masih merupakan kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh mereka sebelum projek ini diadakan misalnya menjahit.

Walaupun kita dapat kesan kegalannya, tetapi faedah dari segi individu setelah menghadiri kegiatan-kegiatan itu diandaikan agak berjaya dari segi:

1. Pendidikan Ugama dan kesihatan
2. Kemahiran
3. Lawatan
4. Pengetahuan semasa

yang dilakukan melalui ceramah-ceramah demonstrasi dan lain-lain lagi. Namun demikian ini cumalah andaian kerana tidak ada satu bentuk ukuran yang boleh mengukur kejayaan dari segi individu.

Oleh itu didapati usaha-usaha RISDA belum lagi berjaya untuk mengeluarkan wanita pekebun kecil melibatkan diri dalam dunia "public" walaupun pembangunan rata-rata adalah giat diusahakan.

Apa yang benar-benar menyebabkan kegagalan pada PWPK dan Karyadesa ialah aktiviti-aktiviti yang dijalankan berdasarkan kraftangan sebagai projek "income generating" adalah gagal dalam usaha menambahkan pendapatan wanita pekebun kecil. Ini disebabkan pulangan adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan pulangan seorang pekerja kilang. Tetapi, jika kegiatan kraftangan ini sebagai warisan bagi memperkuuhkan dan melanjutkan budaya, maka ia adalah sesuai.

Kesimpulannya didapati bahawa RISDA telah gagal dari segi ekonomi tetapi berjaya dari segi individu pada andaianya. Maka dapat dikatakan bahawa usaha RISDA dalam memberikan bidang latihan dan projek ini, masih lagi memperkuuhkan peranan tradisi wanita iaitu dalam projek ekonomi dan projek individu melalui PWPK dan Karyadesa. Penekanan projek ini dilihat masih pada peranan wanita sebagai ibu dan isteri. Misalannya dalam kegiatan PWPK, penekanan diberikan pada individu seperti memberi pengetahuan tentang cara kesihatan, cara pemakanan yang baik dan cara-cara mengurus rumah tangga. Dari segi ekonomi pula, kegiatan dijangka akan menambahkan pendapatan keluarga pekebum kecil pun juga mengadakan projek-projek "femine" iaitu kraftangan.

7. Ester Boserup, (1970): Integration of Women in Development, New York, Holt, Rinehart and Winston, United Nations Development Programme.
8. Friend, Beatrice (1975): Women and Men...An Anthropologist's View, Holt, Rinehart and Winston, N.Y. U.S.A.
9. Goode, W. and Harn, J. (1952): Methods in Social Research, Mc Graw Hill Book Co. N.Y. U.S.A.
10. Helter, R. (1975): Sex Roles and Social Change, Julian Press and published with Martha Taubman Block Media Inc., N.Y. Hemisphere Publishing Corporation, Washington.
11. Long, Judith Lang (1979): The Second Sex...Sex Roles and Social Roles, St. Martin's Press N.Y. Helimed Int., N.Y. U.S.A.
12. Nasidah Zakaria (Okt. 1981): Penyalurian Bantuan Amalan bagi Masyarakat Domestik: Tempaan pada masalah yang dihadapi dalam sejajah Kursus Komputer Syarikat Sistem Selangor (S) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.
13. Hastings, Adeley (1952 & 75): The Natural Femininity of Women, A division of Macmillan Publishing Co. N.Y. U.S.A.
14. Ralph Linton (1968): The Study of Man, An Introduction, student's ed., (N.Y. U.S.A.) Appleton-Century-Crofts.

Bahan Rujukan

1. A.G. Frank (1971): Sociology of Development and Underdevelopment of Sociology - London, Pluto Press.
2. Bailey Kenneth D. (1978): Methods of Social Research, New York, Free Press.
3. Boulding, Elise (1977): Women in The Twentieth Century World, Sage, Publication.
4. Chamhuri Siwar (1970): Kehendak dan Bentuk Reformasi Tanah di Malaysia, Satu tinjauan Terhadap Reformasi Tanah, K.L. DBP
5. Dudley Seers (September 1970), The Meaning of Development Reprint ADC.
6. Dennis Goulet, (1973): The Cruel Choice, A new Concept in Theory of Development, Atheneum, N. York.
7. Ester Boserup, (1975): Integration of Women in Development: Why, When, How, N. York, United Nations Development Programme.
8. Friedl, Ernestine (1975): Women and Men: An Anthropologist's View, Holt, Rhinehart and Winston, N. York.
9. Goode, W. and Hatt P. (1952): Methods in Social Research, Mc Graw Hill Book Co. N. York.
10. Holter, H. (1975): Sex Role and Social Change, dalam Women and Achievement oleh Martha Taimara Shuch Mednik etc. al.; Hemisphere Publishing Coperation, Washington.
11. Laws, Judith Long (1979): The Second X: Sex Role and Social Role, El Servier North Holland Inc. N. York.
12. Mazidah Zakaria (Mei 1981): Penglibatan Wanita Luarbandar dalam Aktiviti Ekonomi: Tumpuan pada masalah yang dihadapi dalam majalah Wanita Kumpulan Syarikat Utusan Melayu (M) Berhad. K.L.
13. Montagu, Asley (1952 & 76): The Natural Superiority of Women, A division of Mac Millan Publishing Co. N. York.
14. Ralph Linton (1964): The Study of Man; An Introduction, student's ed. (N. York) Appleton - Century Crofts.

15. Rosalind Michelle Zimbalist (1974): Women Culture and Society, Stanford California, Stanford University Press.
16. Seward, Georgena Hoffman & Williamson, R.C. (eds) (1970): Sex Roles in Changing Society, Random House, Inc., N. York.
17. Shamsul Amri Baharuddin (1970): RMK, Tujuan dan Perlaksanaannya (Satu Pernilaian Teorities) DBP, K.L.
18. Syed Husin Ali, (1979): Apa Erti Pembangunan, DBP, K.L.
19. W.W. Rostow, (1965): The Stages of Economic Growth, 2nd Edition, Cambridge University Press, Cambridge.
6. Kerajaan Malaysia, Kemajuan Malaysia Tahun 1970/1973 Jabatan Perancangan Negara
7. Kerajaan Malaysia, Kemajuan Malaysia Tahun 1976/1979
8. Kemajuan Malaysia Tahun 1980/1982 Jabatan Perancangan Negara

MATERIAL DAN METODE PENELITIAN

1. Latihan Seniak Parikh Dandia (1963/64) Jabatan Antropologi dan Geologi, Universiti Malaysia, K.L.

Lampiran-Lampiran

1. Laporan Tahunan RISDA (1977-80)
2. Naskah RISDA tentang Pekebun Kecil dan Getah Asli dalam Pembangunan (1981)
3. Buku "AIDE MEMOIRE" keluaran RISDA (1981)
4. Buku Laporan Tahunan Bahagian Pembangunan Sosio-ekonomi (1982)
5. Nota maklumat RISDA - Taklimat Pembangunan Negeri Selangor (1981)
6. Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975) Jabatan Percetakan Negara.
7. Kerajaan Malaysia, Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)
8. Kerajaan Malaysia Keempat (1981-1985) Jabatan Percetakan Negara

Disertai dengan Latihan Ilmiah

1. Latihan Ilmiah Faridah Hanum Kalil (1983/84) Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya, K.L.

LAMPIRAN

Jumlah bilangan peserta mengikut negeri dan bidang(Karyadesa)

Negeri	Anyaman/bil	Jahitan/bil	Tenunan/bil
Melaka	20	14	5
Kota Mengkuang	15		
Semerah	19		
Selangor	3		2
Pahang	2		1
N.Sembilan	2		
Terengganu	4		2
S. Perai	4		
Perak	4		
Kelantan	3		
K. Pasu	3		
Johor			1
Jumlah	79	14	11
Jumlah Besar: 10⁴ orang/peserta.			

Sumber: Faridah Hanum Khalil 1983/84